

**PENERIMAAN TREND FESYEN SEMASA DI**

**KALANGAN GENERASI MUDA:**

**SEDERHANA DAN MODEN**

**SUPIAH BINTI SUPA'AT**

**C17A0365**

UNIVERSITI

MALAYSIA  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

KELANTAN

**2020**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Penerimaan Trend Fesyen Semasa di Kalangan Generasi  
Muda: Sederhana dan Moden**

Disediakan Oleh

**Supiah binti Supa'at**

**C17A0365**

Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Tekstil Fesyen) dengan Kepujian.

---

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

---

**2020**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*




**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidik dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

  
(Tanda tangan pelajar)

Tarikh: 4 JULAI 2021

\_\_\_\_\_  
(Tanda tangan penyelia)

Nama:

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekata.

## PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



---

Tandatangan

Nama pelajar : SUPIAH BINTI SUPA'AT

No. Matrik : C17A0365

Tarikh : 4 JULAI 2021

Disahkan oleh:

---

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia :

Cop :

Tarikh :



## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim..

Assalamualaikum w.b.t, di sini saya rasa sangat bersyukur ke atas hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya, memudahkan segala proses dalam menyelesaikan Projek Penyelidikan ini dengan masa yang telah ditetapkan dengan sebaiknya. Walau bagaimanapun, dalam menyiapkan kajian ini terdapat juga halangan dan dugaan semasa menyelesaikan projek penyelidikan, akan tetapi saya dapat mengatasi masalah tersebut dan menyiapkannya dengan jayanya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam membantu saya sepanjang tempoh Projek Penyelidikan dari awal bab sehingga akhir bab kajian ini dijalankan. Terima kasih terutamanya kepada penyelia saya, iaitu Dr. Mohd Zaimudin bin Mohd. Zain kerana telah banyak membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya dari awal kajian hingga akhir kajian dan dalam proses penghasilan produk dalam tempoh melaksanakan Projek Penyelidikan ini.

Tidak dilupakan juga, ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya yang memberi sokongan moral dan bantuan dari segi kewangan kepada saya untuk menyelesaikan Projek Penyelidikan saya ini sehingga akhir.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sedia membantu serta memberikan kata-kata semangat kepada saya dalam proses pelaksanaan Projek Penyelidikan sepenuhnya bagi sepanjang semester ini. Akhir kata, saya sangat berterima kasih ini kepada pihak yang telah banyak membantu saya untuk mendapatkan maklumat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan Projek Penyelidikan saya ini. Sekian, terima kasih.



## SENARAI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii-iv
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	v-viii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	ix-x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi-xii
<b>ABSTRAK</b>	xiii-xiv
<b>ABSTRACT</b>	xv-xvi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar Belakang	4-7
1.3 Pernyataan Masalah	8-9
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Sumbangan Kajian	12
1.8 Batasan Kajian	13-14

**BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Trend Fesyen Semasa	15-21
2.2 Generasi Muda (Generasi Y)	22-24
2.3 Sederhana dan Moden	25-30

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	32
3.2.1 Kaedah Kualitatif	32-33
3.2.2 Kaedah Kuantitatif	33-34
3.2.3 Kaedah Campuran	34-35
3.2.4 Pendekatan Kajian	35
3.3 Instrumen Kajian	36-41
3.4 Analisis Data	42-43
3.5 Sasaran Kajian	44-45
3.6 Kesimpulan	46

**BAB4: ANALISIS DATA**

4.1 Pengenalan	47
----------------	----

4.2 Metodologi Pengumpulan dan Analisis Data	48
4.2.1 Objektif Soal Selidik	49
4.2.2 Struktur Soal Selidik	50
4.2.3 Kaedah Persampelan	51
4.2.4 Analisis Data	51
4.3 Hasil Kajian	52
4.3.1 Bahagian A: Demografi	53-58
4.3.2 Bahagian B: Fesyen Modest	59-76
4.3.3 Bahagian C: Trend Fesyen Modest dan Moden disamping Syariah Berpakaian	77-84
4.3.4 Bahagian D: Pemilihan Gaya Keterampilan Gaya dan Trend Warna yang Diminati oleh Generasi Muda	85-88
4.4 Proses Rekaan	
4.4.1 Konsep Rekaan	89
4.4.2 Pemerhatian Warna	89-90
4.4.3 Mood Board	91
4.4.4 Pemilihan Bahan	92
4.4.5 Proses Lakaran Produk	93
4.4.6 Lukisan Teknikal	94
4.4.7 Lakaran Pola	95-96
4.5 Hasil Kajian Produk	97
4.6 Kos Perbelanjaan	98-99
4.7 Kesimpulan	100

**BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	101
5.2 Cadangan	101-102
5.3 Perbincangan	102-103
5.4 Kesimpulan	103
<b>RUJUKAN</b>	104-107
<b>LAMPIRAN</b>	108-112

## SENARAI GAMBAR RAJAH

	MUKA SURAT
Gambar Rajah 1	18
Gambar Rajah 2	19
Gambar Rajah 3	21
Gambar Rajah 4	26
Gambar Rajah 5	28
Gambar Rajah 6	29
Gambar Rajah 7	56
Gambar Rajah 8	88
Gambar Rajah 9	90
Gambar Rajah 10	91
Gambar Rajah 11	92
Gambar Rajah 12	93
Gambar Rajah 13	94
Gambar Rajah 14	94
Gambar Rajah 15	95
Gambar Rajah 16	95
Gambar Rajah 17	96
Gambar Rajah 18	96
Gambar Rajah 19	108
Gambar Rajah 20	108

Gambar Rajah 21	109
Gambar Rajah 22	109
Gambar Rajah 23	110
Gambar Rajah 24	110
Gambar Rajah 25	111



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## SENARAI RAJAH

### MUKA SURAT

#### 4.3.1 Bahagian A: Demografi

Carta Bar 4.3.1.1	54
Carta Bar 4.3.1.2	55
Carta Bar 4.3.1.3	56
Carta Bar 4.3.1.4	57
Carta Bar 4.3.1.5	58

#### 4.3.2 Bahagian B: Fesyen Modest

Soalan 1	60
Soalan 2	61
Soalan 3	62
Soalan 4	63
Soalan 5	64
Soalan 6	65
Soalan 7	66
Soalan 8	67
Soalan 9	68
Soalan 10	69

Soalan 11	71
Soalan 12	72
Soalan 13	73
Soalan 14	74
Soalan 15	75
Soalan 16	76

#### **4.3.3 Bahagian C: Trend Fesyen Modest dan Moden disamping**

##### **Syariah Berpakaian**

Soalan 1	78
Soalan 2	79
Soalan 3	80
Soalan 4	81
Soalan 5	82
Soalan 6	83
Soalan 7	84

#### **4.3.4 Bahagian D: Pemilihan Gaya Keterampilan Gaya dan Trend**

##### **Warna yang Diminati oleh Generasi Muda**

Soalan 1	85
Soalan 2	87

**PENERIMAAN TREND FESYEN SEMASA  
DI KALANGAN GENERASI MUDA: SEDERHANA DAN MODEN**

**ABSTRAK**

Kajian ini meneroka bagaimana generasi muda menerima kehadiran trend fesyen semasa yang sederhana dan moden. Trend fesyen semasa ini dapat dilihat sebagai satu perubahan kitaran fesyen. Trend ini juga dapat didefinisikan sebagai fesyen yang kita lihat mengenai gaya pakaian apa yang akan berlaku kemudian. Terkait kepada generasi Y, jiwa golongan ini yang muda membawa kepada keinginan yang tinggi untuk mereka memakai pakaian fesyen yang pelik dan suka mencuba perkara yang baru. Didorong pula dengan zaman di mana mereka ini lahir yang sudah wujudnya kemudahan capaian “*tech-savvy*”, yang semuanya hanya di hujung jari mereka. Fesyen sederhana dan moden tidak semestinya terikat hanya pakaian atau baju semata-mata. Menjelaskan kepada konsep itu, ia boleh dikaitkan atau digabungkan dengan aksesori jenama antarabangsa. Oleh itu, generasi muda sekarang terutamanya generasi Y lebih suka dan tertarik untuk membeli-belah item fesyen, malah suka mengikuti perkembangan trend. Metodologi kajian yang diaplikasikan di dalam penyelidikan ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan ini menggunakan satu proses pengumpulan data iaitu soal selidik secara tertutup yang diagihkan kepada para responden. Analisis kajian memberikan kebolehterimaan pengguna generasi muda (generasi Y) terhadap fesyen pakaian sederhana dan moden. Diharapkan dengan adanya kajian ini, ia sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai rujukan terhadap penerimaan trend fesyen semasa

dalam kalangan generasi muda di Malaysia buat penyelidikan generasi yang akan datang.

***Kata kunci*** - Trend fesyen semasa, generasi muda, sederhana dan moden.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**THE ACCEPTANCE OF CURRENT FASHION TRENDS  
AMONG YOUNG GENERATION:  
MODEST AND MODERN**

**ABSTRACT**

This study explores how the young generation accepts the presence of modest and modern current fashion trends. The current fashion trends can be seen as a change in the fashion cycle. This trend can also be defined as the fashion we see about what style of clothing will happen later. Revealing to generation Y, the soul of this young group leads to a high desires for them to wear strange fashion clothes and like to try new things. Driven by the times, in which they were born that already have "tech-savvy" access facilities, all of which are just at their fingertips. Modest and modern fashion is not only means tied just to the clothes or shirts. Explaining to the concept, it can be associated or combined with international brand accessories. Hence, the young generation today, especially generation Y, prefer and are interested in shopping for fashion items, and even like to follow the development of trends. The research methodology applied in this research is using a quantitative approach. This approach uses a data collection process which is a closed-ended questionnaire distributed to the respondents. The analysis of the study provides the admissibility of young generation (generation Y) to the modest and modern clothing fashion. It is hoped that with this study, it can to some extent be used as a reference to the acceptance of current fashion trends among the young generation in Malaysia for future generations research.

**Keywords** - Current fashion trends, young generation, modest and modern.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 1:**

### **PENDAHULUAN**

---

#### **1.1 PENGENALAN**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka bagaimana generasi muda menerima trend fesyen semasa dalam konsep sederhana dan moden yang melibatkan kedua-dua konteks fesyen Barat dan pakaian Muslimah. Di samping syarat pemakaian yang mengikut kepada perspektif Islam dalam syarat berpakaian sebagai seorang Muslimah. Rekaan pakaian fesyen jenama Barat telah mendapat sambutan yang tinggi di kalangan generasi muda sehingga memberikan mereka idea dalam menggabungkan elemen dalam satu koleksi pakaian, malah mampu menampilkan kelainan gaya pada golongan wanita Muslimah.

Kedatangan trend fesyen ke Malaysia secara terus menerus juga berkait dengan kalangan generasi muda yang dilahirkan dan dibesarkan dalam dunia yang sudah mempunyai kepesatan platform media sosial. Media sosial yang menjadi semakin canggih dan memudahkan pencarian maklumat mengenai fesyen, terutama dalam mengubah trend fesyen mengikut musim semasa. Pada kemudahan Web 2.0 yang membolehkan pengguna menukar maklumat, pengalaman serta berkongsi pendapat, menjadikan penggunaan media sosial dominan di antara kalangan masyarakat di seluruh

dunia. Hal ini kerana, media sosial adalah platform dalam talian yang membolehkan pengguna berkongsi, mengambil bahagian, dan membuat kandungan melalui rangkaian media sosial. Antara media sosial yang sering digunakan generasi muda adalah seperti Instagram, Facebook, dan Twitter, malah ia dikenali sebagai platform yang digunakan oleh masyarakat secara global. Media sosial dilihat semakin menular dalam perkembangannya yang membolehkan pengguna mengakses aplikasi atau web dan juga berinteraksi dengan rakan untuk berkongsi dan bertukar maklumat melalui media sosial (Kaplan, Haenlein, 2010).

Di Malaysia, segelintir generasi muda telah mula untuk menerima trend semasa dengan gaya yang lebih sederhana dan moden. Ini kerana gaya ini mencerminkan keperibadian dan identiti yang ingin mereka ketengahkan. Sebenarnya, trend fesyen kini menumpukan pada jenis dan ciri tersendiri yang menjadikannya kelihatan lebih bergaya. Sebagai contoh, trend gaya kasual penggunaan warna panas dan sejuk dalam sesebuah koleksi pakaian, dalam gabungan gaya seperti klasik dan *sporty*, serta mengaplikasikan imej monokrom di mana bermula daripada kasut hingga ke aksesori direka bentuk dalam satu skim warna. Di samping itu, di kalangan masyarakat Malaysia adalah pengguna media sosial yang tinggi dalam mencari maklumat mengenai perkembangan dan juga perubahan gaya fesyen. Kemudian, ia mampu mempengaruhi keinginan pengguna untuk mencuba pakaian fesyen baru dan mendorong generasi muda dalam menerima trend fesyen semasa.

Kebiasaannya, kepelbagaian trend fesyen pakaian Barat ini sering digayakan oleh kaum bukan Islam disebabkan oleh mereka ini tidak terikat dengan syariah pemakaian seperti umat Islam di Malaysia. Oleh itu, penampilan gaya berpakaian fesyen yang



melibatkan elemen Barat harus diperkenalkan dan diolah menjadi satu pakaian yang bersesuaian dengan fesyen seorang Muslimah. Di mana memberi keyakinan kepada si pemakai terutama umat Islam dalam menggayakan trend pakaian fesyen. Maka, kajian ini dijalankan di Malaysia agar dapat membantu fesyen Muslimah dalam bergaya dengan gaya penampilan berfesyen yang berbeza seiring dengan kedatangan trend fesyen yang berganti mengikut musim.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Trend fesyen merupakan pengayaan pakaian fesyen berikutan dengan kedatangan musim fesyen secara terus menerus yang digayakan oleh para pengguna. Di mana, ia mampu membentuk nilai dan mengembangkan ciri kepercayaan serta budaya generasi muda. Pada sudut pandangan fesyen, ini bukan hanya refleksi dari nilai-nilai lama yang ditafsirkan semula untuk memenuhi beberapa fungsi, tetapi fesyen adalah konsep yang menyegarkan untuk digambarkan sebagai penghargaan masyarakat. Dalam konteks masyarakat, penampilan seseorang adalah tiket untuk menyampaikan isyarat komunikasi bukan lisan seperti petunjuk mengenai status sosial, nilai dan gaya hidup mereka. Komunikasi fesyen ini merujuk kepada gambaran asas tentang bagaimana kita mengayakan penampilan kita dan bagaimana cara kita untuk mengekspresikan pengalaman perasaan emosional kita melalui setiap jenis pakaian, yang bermaksud inilah cara mereka untuk menjadi lebih yakin dengan memakai pakaian berfesyen. Melalui pemerhatian yang berpanjangan, kejayaan trend fesyen terletak pada bagaimana masyarakat atau pengguna generasi muda mentafsir dan bahkan menilai sebarang trend fesyen semasa yang sering berubah. Oleh itu, pengaruh trend fesyen dapat dianalisis melalui penerimaan sosial terhadap trend fesyen semasa yang seterusnya diperkuat dengan sedikit motivasi yang mampu mendorong keinginan dalam sifat tingkah laku orang.

Trend merujuk kepada arah atau pergerakan umum (Stone, 2008). Secara amnya, fesyen adalah ungkapan estetik yang popular dalam konteks tertentu. Selain itu, fesyen adalah suatu gaya untuk mengekspresikan keperibadian, terutama dalam pakaian, kasut,

gaya hidup, aksesori, solekan, gaya riasan rambut, dan bahagian tubuh yang bermaksud termasuk warna, pakaian pemotongan, penghasilan corak berdasarkan trend musim terhadap pengguna di seluruh dunia. Selain itu, trend fesyen mencerminkan apa yang "masuk" dan apa yang "keluar" untuk musim ini. Di samping itu, analisis trend fesyen dilakukan terutamanya oleh pakar fesyen yang mempunyai pengetahuan fesyen yang intensif. Daripada pakar fesyen, bagi mereka untuk membuat koleksi pakaian fesyen, ia juga memerlukan masa untuk mengumpulkan dan menganalisis trend fesyen kerana terdapat banyak pertunjukan fesyen yang mana mereka mempunyai trend musim setiap tahun (Shintami C. Hidayati *et al.*, 2014).

Berikutan perkembangan dunia fesyen dan pengaruhnya yang menyeluruh yang melibatkan pengguna global, hasilnya adalah reka bentuk yang menggabungkan idea oleh pakar fesyen dari analisis trend fesyen di mana wujudnya pakaian yang sederhana. Dari segi pakaian sederhana membawa makna trend fesyen pada wanita yang memakai pakaian yang tidak menampakkan kulit. Dari sudut pandangan ini, merujuk kepada cara berpakaian yang memenuhi syarat kerohanian dan gaya berpakaian sebagai seorang Muslim. Pada masa yang sama, beberapa negara mempunyai pendapat atau tafsiran yang berbeza mengenai konsep sederhana yang menjadi trend fesyen antara budaya dan agama. Pakaian sederhana ini tidak mempunyai tafsiran yang jelas dan tepat kerana dipengaruhi oleh persekitaran sosio-budaya antara negara yang lainnya. Walau bagaimanapun, kebanyakan orang bersetuju bahawa fesyen yang sederhana ini merujuk kepada pakaian yang longgar dan sopan, adalah cara berpakaian dengan selesa dan menutupi badan bergantung pada keselesaan seseorang untuk menggayakan gaya fesyen (Hanisa Hassan *et al.*, 2015)

Teori fesyen telah berkembang sekitar dua jangka masa, kitaran jangka panjang, evolusi sekular dari satu gaya ke gaya yang lain, merangkumi beberapa dekad dan abad. Manakala satu lagi adalah kitaran jangka pendek, penerimaan bermusim dari satu gaya selama beberapa bulan hingga bertahun-tahun (George B Sproles, 1981). Dalam mengubah kitaran fesyen dalam perkembangan berterusan dari satu keadaan ke keadaan lain dalam jangka masa 30 hingga 50 tahun atau lebih di mana ia adalah kitaran fesyen jangka panjang. Sebagai contoh, kitaran menukar panjang pakaian dari hujung pendek ke panjang dan kemudian kembali ke pakaian pendek merupakan perubahan yang diramalkan oleh prinsip ini untuk bertahan selama beberapa dekad. Walau bagaimanapun, satu kitaran fesyen hanya memerlukan jangka masa 5 hingga 10 tahun. Ia dipertimbangkan melalui perspektif dan pemerhatian mengenai bagaimana tingkah laku penerimaan pengguna terhadap proses trend fesyen semasa diperkenalkan.

Meneroka penerimaan trend fesyen semasa di kalangan pengguna Malaysia semakin meningkat kerana didorong oleh keinginan pengguna generasi muda yang sangat tinggi kerana mereka mudah dipengaruhi oleh musim trend personaliti fesyen Barat. Selain itu, dengan meningkatnya permintaan generasi muda rakyat Malaysia yang suka mengikuti trend fesyen global, banyak peruncit fesyen antarabangsa telah memasuki pasaran fesyen Malaysia dari segmen fesyen mewah hingga fesyen pantas. Oleh itu, pengguna Malaysia mempunyai keinginan untuk mencuba perkara baru terutamanya dengan cara jenama Barat tanpa itu tidak menyeimbangkan agama dan norma sosial. Secara umum, untuk mencuba trend fesyen di Malaysia perlu untuk menyeimbangkan norma agama dan sosial untuk kesopanan trend fesyen semasa (M. Z. Mohd Zain *et al.*, 2018). Walaupun mengikut peredaran musim atau trend fesyen, generasi muda di Malaysia semakin gemar mencampurkan gaya berpakaian elemen

Barat dalam pakaian Islam untuk membolehkan mereka mencipta gaya baru, yang menjadi keinginan pengguna untuk terus tidak ketinggalan mengikut trend fesyen Barat. Oleh itu, pentingnya keseimbangan dalam berpakaian yang melibatkan campuran dua elemen pada masa yang sama masih mengikut trend fesyen semasa dan menghormati peraturan berpakaian sebagai seorang Muslim di Malaysia sebagai penghormatan kepada agama dan norma sosial.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia sekarang ini, fesyen semakin dihormati dan ditingkatkan dengan pelbagai gaya pada setiap jenama produk yang telah dihasilkan. Fesyen adalah trend gaya pemakaian dan berubah dengan cepat dari masa ke masa. Generasi hari ini suka memperhatikan cara mereka berpakaian oleh kerana sifat fesyen dan keperibadian yang mengekspresikan diri.

Keinginan generasi muda untuk mencuba pakaian fesyen trend baru sama dengan fesyen barat kerana peredaran fesyen yang dipengaruhi. Dan itu tidak dapat dinafikan oleh semua orang kerana jiwa generasi muda yang akan meningkat menjadi dewasa mempunyai keinginan yang kuat untuk mencuba sesuatu yang baru terutama dalam pengaruh trend semasa yang berlaku di sekitar mereka, membawa mereka keinginan tinggi untuk membina penampilan keperibadian mereka dengan mencampurkannya dengan budaya fesyen barat. Walaupun begitu, itu tidak mungkin berlaku kerana sebagai Muslim Malaysia mempunyai undang-undang kita sendiri yang mana agama melarang pakaian yang tidak sesuai dan kita mesti memeriksa setiap perspektif pakaian sama ada sesuai untuk dipakai atau tidak sebagai seorang Muslim.

Kemudian, ada masalah lain dalam penyelidikan masalah trend fesyen ini di kalangan pengguna yang lebih muda. Ini adalah media sosial di mana ia adalah salah satu platform yang membolehkan mereka yang kini generasi muda mencapai banyak maklumat mengenai trend fesyen di seluruh dunia. Dengan Web 2.0 ini membolehkan pengguna menjangkau lebih banyak gaya fesyen yang dapat membawa imej identiti dan

populariti mereka. Ini kerana pengaruh media sosial kini tidak dapat dikawal atau dihalang oleh orang lain. Oleh itu, dengan perkhidmatan teknologi tinggi ini, generasi muda dapat mencari atau melihat banyak trend untuk berpakaian dan keadaan ini menjadi tidak terkawal. Ini bermaksud bahawa perkara seperti itu dapat mempengaruhi pemikiran generasi muda remaja terutamanya. Pada pandangan ini, mereka suka mencuba gaya pemakaian fesyen baru tanpa memikirkannya secara rasional sama ada ia boleh dipakai atau tidak dalam konteks agama dan budaya.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji tentang penerimaan generasi muda mengenai trend fesyen semasa pada tahap sederhana dan moden. Disana ada:

- a) Untuk mengkaji jenis dan ciri trend fesyen semasa ke arah (sederhana dan moden).
- b) Untuk mengenal pasti penerimaan generasi muda hari ini terhadap trend fesyen semasa (sederhana dan moden).
- c) Untuk menghasilkan cadangan satu koleksi rekaan fesyen yang menggabungkan elemen dari Barat dan Melayu menjadi sederhana dan moden.

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Dalam persoalan kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dinyatakan untuk mencapai objektif kajian. Berikut adalah beberapa persoalan kajian dalam penyelidikan ini, iaitu:

- a) Apakah jenis dan ciri yang harus ada pada fesyen sederhana dan moden?
- b) Bagaimana generasi muda menerapkan trend fesyen semasa dengan sederhana dan moden?
- c) Mengapa ahli generasi muda pada masa kini lebih tertarik kepada trend fesyen semasa (sederhana dan moden)?



## 1.6 SKOP KAJIAN

Dalam bahagian ini, penyelidik telah menetapkan skop kajian untuk meneroka trend semasa yang semakin popular di kalangan generasi muda sekarang dengan gaya pakaian yang lebih sederhana dan moden. Antaranya adalah untuk:

- a) Kajian ini memfokuskan pada pemilihan pemakaian berdasarkan trend fesyen semasa bagi golongan wanita Muslimah di kalangan generasi muda di Malaysia.
- b) Kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep sederhana dan moden dalam trend fesyen semasa yang mempunyai campuran gaya Barat di samping tanpa mengetepikan konteks Islam.
- c) Sasaran pengguna bagi kajian ini adalah dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 28 tahun dan ia memfokuskan kepada pengguna Muslim Malaysia.
- d) Ia dijalankan untuk menumpukan perhatian kepada minat dan keinginan generasi muda terhadap trend fesyen semasa di mana mencampurkan dua elemen iaitu gaya Islamik dan Barat.
- e) Menghasilkan pakaian fesyen yang berpatutan yang boleh dipakai oleh pelajar, belia/wanita yang bekerja dan tidak bekerja.

## 1.7 SUMBANGAN KAJIAN

Saya ingin mencadangkan koleksi yang sesuai digayakan untuk generasi muda Muslim sesuai dengan arus kemodenan dalam fesyen berpakaian. Ini kerana, generasi muda kini dipengaruhi oleh gaya campuran dalam mewujudkan identiti populariti mereka.

- a) Memberikan cadangan keseimbangan mengenai trend fesyen semasa dalam percampuran gaya Barat dan Muslim.
- b) Mereka satu koleksi trend gaya atau reka bentuk fesyen yang menggabungkan elemen Muslim dan elemen Barat dalam satu pakaian.
- c) Memberi keutamaan kepada umat Islam untuk bergaya dan yakin dalam menggayakan fesyen yang berbeza daripada pakaian biasa.
- d) Menghasilkan perbezaan dari segi tekstur reka bentuk dan gaya pemotongan corak dalam konteks percampuran dan padanan unsur-unsur Melayu dan Barat sehingga mampu menghasilkan trend fesyen sederhana dan moden yang tampilkan sebagai dua identiti gaya fesyen.
- e) Menggunakan rona warna yang sesuai dalam penghasilan koleksi rekaan dengan konsep yang lebih sederhana dan moden yang dapat digayakan oleh golongan wanita generasi muda.

## 1.8 BATASAN KAJIAN

Proses penyelidikan ini terdapat beberapa batasan yang dihadapi oleh penyelidik. Ini dinyatakan kerana kekurangan bahan kajian untuk kajian ini kerana keadaan pandemik Covid-19 semasa, yang membataskan pergerakan penyelidik untuk mencari bahan kajian di perpustakaan. Dengan keadaan ini yang melanda, penyelidik hanya memperoleh bahan kajian seperti artikel, web, malah buku melalui dalam talian.

Sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini, kewangan juga sangat penting dalam menyelesaikan tugas-tugas yang ada. Wang yang digunakan adalah untuk pembelian kertas, percetakan dan juga untuk pembelian data internet. Di sini dapat dilihat, di mana sumber kewangan juga penting dalam proses menyelesaikan kajian. Selain itu, penyelidik juga menghadapi masalah dari segi capaian internet yang buruk. Kekangan dari masalah akses internet yang lemah telah menyukarkan penyelidik untuk mencari maklumat dan sumber maklumat untuk rujukan kajian.

Selain daripada itu, dari segi responden kajian ini adalah perkara biasa bagi masyarakat umum di Malaysia, tetapi dari segi usia telah terhad kepada beberapa peringkat umur. Kajian ini memfokuskan pada had umur pada 18 tahun hingga 28 tahun. Walau bagaimanapun, ini adalah untuk mengkaji mengenai trend fesyen sederhana dan moden yang memfokuskan pada pakaian yang sesuai untuk Muslim di Malaysia. Tujuan pengkaji tidak membataskan kategori jantina dan bangsa responden adalah kerana untuk mendapatkan pendapat yang berbeza mengenai trend fesyen semasa dengan fokus utama kajian. Di sini, penyelidik dapat memperoleh dan mengkaji tindak balas daripada

responden dari segi positif dan negatif dari orang ramai terhadap trend fesyen moden dan moden yang sering digayakan oleh generasi muda dan juga kepada reka bentuk koleksi terkini yang dibuat di mana penciptaan koleksi ini akan menggabungkan dua unsur Melayu dan Barat. Jumlah sasaran responden adalah 20 hingga 30 orang responden sahaja. Dengan menggunakan kaedah soal selidik kepada responden ini, dapat membantu penyelidik untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian, sebenarnya merupakan salah satu input dalam kaedah penyelidikan ini untuk mendapatkan maklumat.

## BAB 2:

### TINJAUAN LITERATUR

---

#### 2.1 TREND FESYEN SEMASA

Istilah fesyen sering digunakan untuk memperlihatkan kepenggunaan di dalam trend (Cathy Bakewell *et al.*, 2006). Trend fesyen kini dianggap sebagai satu pengaruh utama yang mendorong kepada identiti diri dan personaliti di kalangan pengguna kini dalam penggunaan pakaian fesyen. Pengaruh trend fesyen ini bergantung kepada bagaimana masyarakat mentafsirnya dan seterusnya didorong dengan penerimaan sosial melalui tingkah laku si pengguna gaya (Dr. D. Saravanan & Nithyaprakash. V, 2016). Di samping itu, trend fesyen ini dapat dilihat melalui pengaruh cara pemakaian Barat yang lebih menarik perhatian dan keinginan pengguna bergantung kepada cara tarikan si pemakai bagi mempengaruhi pengguna lain untuk mencuba trend fesyen tersebut.

Menjelaskan kepada trend fesyen yang kini sudah dan semakin dikenali secara global oleh para pengguna. Malahan trend ini telah mula diterima dari semasa ke semasa, tidak kira siapa si pemakai sama ada secara global dan lokal. Contoh, trend fesyen lokal yang kita dapat lihat masih lagi menjadi kecenderungan pengguna kalangan generasi muda wanita Muslim di Malaysia adalah trend pemakaian hijab. Dalam Islam, pemakaian tudung ini tidak dapat disangkal kerana pemakaian tudung bagi wanita

Muslim ini adalah satu kewajiban dalam menutup aurat dan kesopanan sekaligus menghormati perintah yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan Sunnah.

Aurat adalah anggota badan yang tidak boleh dinampakkan dan diperlihatkan oleh lelaki atau perempuan kepada orang lain. **Rujuk al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah** (31/44). Yang menyatakan bahawa wanita Muslimah diwajibkan untuk menutup aurat mereka sepertimana yang telah disepakati oleh para ulama' berdasarkan dalil-dalil daripada al-Qur'an dan as-Sunnah, di antaranya ialah:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ  
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي  
الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ

(Surah an-Nur: 31)

Maksudnya: “Dan hendaklah mereka menutupkan kain yang dipakai untuk menutup kepala (tudung) ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya, kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau anak-anak lelaki mereka, atau anak-anak lelaki suami mereka, atau saudara-saudara lelaki mereka, atau anak-anak lelaki kepada saudara-saudara lelaki mereka, atau anak-anak lelaki kepada saudara-saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita islam, atau budak-budak suruhan yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita”.

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ

(Surah al-Ahzab: 59)

Maksudnya: “Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan yang beriman bahawa hendaklah mereka melabuhkan jilbab (pakaian yang dipakai di atas baju dan tudung) mereka ke seluruh tubuh mereka, Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenali, maka mereka tidak akan diganggu”

Nabi SAW telah bersabda:

المرأة عورة وإنها إذا خرجت استشرفها الشيطان

**Maksudnya:** “Wanita itu adalah aurat, jika ia keluar rumah, maka syaitan akan menghiasinya”

Riwayat ibn Hibban (5598), Syeikh Syaib al-Arna’outh mengatakan perawi-perawi hadith ini *thiqah* (dipercayai).

Sebelum menjawab persoalan ini, kita harus meneliti beberapa istilah pakaian wanita dari segi bahasa dan syara’ agar kita lebih memahami maksud sebenar disebalik ayat al-Quran yang diturunkan mengenai masalah ini.



Melihat kepada fesyen global, para pengguna menganggap bahawa industri fesyen global sebagai penjualan pakaian runcit di seluruh dunia tanpa sempadan. Namun begitu, industri sebagai industri perniagaan, ia merangkumi bukan sahaja pakaian, kasut dan aksesori, tetapi tekstil semula jadi dan kain buatan sendiri yang dihasilkan, serta pembuatan, pengimportan, pengeksportan, pemasaran dan promosi, pengedaran borong, runcit dan penjenamaan. Di samping itu, industri fesyen global ini bergantung pada trend yang sentiasa berubah yang menjadikan pengguna, ia juga didorong oleh keperluan untuk pembelian. Ini bermaksud barangan fesyen juga mempunyai jangka hayat yang pendek, yang memerlukan pengeluar, pereka dan peruncit untuk memenuhi jadual pengeluaran dan tarikh akhir pengedaran yang ketat. Di dalam industri fesyen ini, terdapat banyak jenama fesyen yang menjadi sebutan dan tatapan di mata dunia, antaranya adalah Marc Jacobs, Zara, Louis Vuitton dan sebagainya. Ini juga memberi penunjuk arah, seperti selebriti, peranan penting dalam pemasaran dan promosi yang berjaya.



Gambar Rajah 1: Antara gaya berfesyen yang mengaplikasikan teknik draping pada pakaian daripada jenama Barat.





Gambar Rajah 2: Kepelbagaian jenis pengayaan hijab yang direka atau digayakan oleh pengguna generasi muda.

Dalam Rajah 1 di atas, ini adalah contoh kepada pakaian fesyen global. Pakaian yang mana juga menjadi perhatian mata dunia disebabkan oleh teknik yang digunakan pada bahagian koleksi rekaan baju atau kain. Teknik ini dipanggil teknik draping, yang kebanyakan teknik ini hanya ada di pakaian jenama luar daripada Malaysia. Gaya ini telah menjadi suatu trend fesyen kepada pengguna muda sekarang kerana gayanya yang ‘*sophisticated*’. Menjengok kepada trend berhijab, zaman bertudung ini sudah lama duduk di Malaysia. Namun pada zaman itu, pemakaian tudung tidak menutup bahagian kepala sepenuhnya, dan trend pemakaian tudung berubah mengikut musim dan pengaruh dari tahun lain ke tahun yang lainnya. Kemudian wujudlah trend berhijab yang seperti pada Rajah 1 dengan pelbagai gaya, yang mana ianya terhasil daripada inspirasi idea pemakaian tudung pada zaman dahulu seperti gaya tudung pada tahun 1980an. Dan trend hijab tersebut hanya diberikan sedikit nafas baru yang sesuai dengan pengguna muda.

Seterusnya kembali kepada trend fesyen, ini terhasil daripada analisis dan ramalan (*Analysis and Forecasting*) yang merupakan suatu bahagian permulaan penghasilan

rekaan serta produk fesyen yang dirangka untuk meramal bagaimana trend fesyen dihasilkan dan digunakan daripada pelbagai industri fesyen dalam meningkatkan daya saing syarikat di pasaran. Di sini diselitkan laman web yang membuat analisis dan ramalan fesyen, iaitu adalah *The World Global Style Network* atau lebih dikenali sebagai WGSN, *Womens Wear Daily*, dan *Trend Zoom*. Trend fesyen ini bukan sahaja mengenai pakaian semata-mata, namun ia mengenai produk jenama fesyen iaitu aksesori dan kosmetik berjenama. Tambahan lagi, dalam memahami konsep trend yang kini kian menjadi tumpuan utama bagi tatapan antara golongan generasi muda di Malaysia. Trend ini tidak terhad kepada pakaian dan aksesori, ia juga boleh dikaitkan dengan pengguna produk lain seperti hiasan rumah, perabut dan sebagainya yang boleh membawa kepada kitaran trend.



Gambar Rajah 3: Perubahan fesyen pakaian wanita dalam ramalan fesyen (*fashion forecasting*) bagi bermula pada tahun 2019-2021, yang dipamerkan dalam laman web

*Vouge Runway.*

## 2.2 GENERASI MUDA (GENERASI Y)

Pada kajian ini, pengkaji mengkaji pengguna yang mana dalam golongan generasi muda (Generasi Y) atau juga dikenali sebagai milenium. Generasi Y atau Gen Y ini merupakan kohort demografi yang mengikuti tingkah laku antara Generasi X dan Generasi Z. Mereka ini dianggap lahir dalam lingkungan tahun 1980 an (Kaylene C. Williams, 2011) sebagai permulaan generasi baru dan berakhir pada awal tahun 2000 an bagi tahun akhir kelahiran untuk golongan generasi Y ini.

Generasi Y ini kebiasaanya telah obses dengan pengaruh fesyen terutama kepada pelbagai jenis jenama produk dan termasuklah dengan fesyen industri (Naser Valaei & SR Nikhashemi, 2017). Sesetengah tingkah laku golongan Gen Y dalam pemilihan gaya fesyen ini telah didorong keputusannya oleh beberapa faktor yang melibatkan kepada faktor demografi dan juga faktor peribadi (Nasreen Khan *et al.*, 2016), di mana ia menjadi peranan penting di pasaran dalam penggunaan produk fesyen (Tat Huei Cham *et al.*, 2017). Dan ini mendorong golongan generasi ini menjadi sasaran dalam perkembangan perniagaan peruncit fesyen.

Pertumbuhan teknologi ke tahap yang lebih tinggi menjadikan ia semakin terkenal di dunia pasaran terutama sekali dalam e-commerce (Trisna Tanadi *et al.*, 2015). Di mana ianya memberi kelebihan kepada perniagaan produk berjenama untuk berkembang secara global yang menghubungkan semua orang tanpa sebarang sempadan. Generasi Y ini lahir setelah wujudnya pemajuan kemudahan capaian internet iaitu “*tech-savvy*”, yang mana mereka telah dicelikkan dengan kebolehcapaian penggunaan



media sosial untuk memperoleh maklumat dengan mudah, melalui kemudahan penggunaan platform media sosial yang semakin meluas seperti Instagram, Facebook dan Twitter, tidak kurang juga laman blog fesyen yang sering berkongsi maklumat mengenai perubahan musim trend fesyen semasa. Dalam kata erti lain, generasi ini telah dididik menjadi pengguna yang mahir teknologi supaya memudahkan mereka untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain secara internasional. Golongan ini dianggap sebagai *multi-tasker* yang cekap dalam penggunaan rangkaian sosial dalam pelbagai platform (Kaylene C. Williams *et al.*, 2010). Minat dalam membeli-belah sehingga berlakunya penyebaran pelbagai pilihan runcit dan pelbagai jenama produk sebagai satu medium kepuasan untuk berfesyen, dan ia merupakan satu era di mana generasi Y dibesarkan serta didedahkan dengan kepelbagaian gaya.

Meneliti kepada ciri-ciri fesyen yang sering digayakan oleh segelintir pengguna muda iaitu generasi Y, ianya merupakan perkara yang subjektif. Hal ini kerana ia berasaskan atau terbit daripada pandangan seperti perasaan, di mana ada pihak atau orang lain yang melihat atau menilai sesuatu daripada pandangan dan juga pendapat sendiri (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2015).

Menjurus kepada keputusan atau '*decision making*' generasi Y ini, telah melibatkan tingkah laku individu yang dipengaruhi oleh pihak sosial lainnya. Dalam keputusan mereka yang suka mengikuti trend fesyen dan membeli belah sama ada '*window shopping*' mahupun pembelian item atau barangan fesyen secara online itu, ianya adalah pengaruh yang sering dilihat secara harian di sekeliling masyarakat tanpa di sedari. Ianya antara individu itu sendiri dengan keluarga, sosial, komuniti dan juga organisasi. Maka segala keputusan atau keinginan individu itu, terjadi daripada sistem yang

dipanggil sebagai mikrosistem, mesosistem dan juga makrosistem. Sistem sosiologi ini yang mendorong kepada keinginan jiwa muda generasi Y untuk mencuba trend fesyen semasa tanpa memikirkan baik buruk sesuatu keputusan itu.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.3 SEDERHANA DAN MODEN

*'Modest Fashion'* atau fesyen sederhana merupakan pakaian sopan/santun kepada pengguna wanita. Fesyen sederhana membawa kepada pemilihan pakaian yang tidak menampakkan lapisan warna pada kulit, di samping memenuhi syarat dan batasan syariah dalam kecenderungan berfesyen sebagai menjaga imej sebagai seorang wanita Muslim. Sebagai contoh bagi menjelaskan maksud tersebut, fesyen sederhana ini menutup aurat dan pakaian yang tidak terlalu jarang atau nipis untuk digayakan sebagai seorang Muslim. Dalam kata erti lain, gaya berpakaian yang longgar, dan selesa yang menjaga bahagian tubuh badan sesuai untuk dipakai oleh para wanita yang beragama Islam. Tumpuan di sini jelas menyatakan bahawa berpakaian sederhana itu tidak perlu ketat yang boleh mencolok pandangan mata masyarakat lain yang membezakan atau mempamerkan bentuk tubuh badan anda sebagai si pemakai dengan orang lain (Elena Esposito, 2020). Namun begitu, pakaian hanyalah salah satu daripada aspek lapisan kesopanan. Yang melambangkan mereka itu sebagai seorang Muslim adalah seseorang iu perlu bersikap sederhana dalam menjaga tingkah laku, adab, pertuturan dan juga penampilan di depan khalayak. Hal ini kerana, pakaian itu hanya satu aspek yang menggambarkan keseluruhan personaliti seseorang itu.



Gambar Rajah 4: Dua artis yang tergolong dalam kalangan generasi muda dalam menampilkan gaya mereka berfesyen.

Gaya berfesyen generasi muda dapat dirujuk melalui Rajah 4 daripada pilihan pengkaji, dan mereka ini dipilih oleh pengkaji berdasarkan populariti mereka yang sekali gus merupakan antara artis berhijab yang berpengaruh di Malaysia. Mengkaji kepada gaya mereka seperti di atas, pengkaji dapat melihat bahawa kedua-duanya mengenakan gaya berfesyen yang sederhana yang memperlihatkan kesopanan mereka sebagai seorang wanita Muslim yang berpengaruh.

Beralih kepada gaya berfesyen seorang ahli perniagaan terkenal, beliau sering menggayakan pakaian yang polos dan berona lembut dalam apa jua gayanya, malahan setiap kali beliau bergambar jarang meninggalkan kaca mata hitamnya. Beliau sering menggayakan kaca hitam atau '*shades*' sebagai salah satu aksesori ringkas untuk dirinya. Selain itu, ada aksesori tambahan yang sesuai dan tidak keterlaluan beliau padankan dengan gaya fesyennya iaitu dengan beg tangan berjenama Barat seperti Chanel dan Louis Vuitton. Manakala bagi gaya tudung pula, beliau kini lebih kerap



membawa gaya hijab yang menjadi trend di kalangan anak muda. Seterusnya melihat kepada gaya pelakon dan juga pengacara yang terkenal dengan personalitinya yang sopan dan manis. Walaupun beliau berada dalam industri seni dan merupakan antara salah seorang selebriti yang berhijab, beliau sering menjaga cara pemakaiannya. Beliau sering menampilkan gaya pakaian sederhana yang lebih sopan dan longgar dalam fesyen hariannya. Malahan beliau juga mengenakan aksesori yang ringkas dalam setiap gayanya supaya tidak terlalu menonjol.

Melalui Rajah 4, kita dapat lihat bahawa kedua-dua mereka sering menggayakan diri mereka dengan pakaian fesyen yang sederhana dan polos. Namun begitu, mereka juga ada menggunakan elemen fesyen moden dan ianya tidak terlalu ketara dalam mereka menjaga imej sebagai orang berpengaruh di media sosial dan industri perniagaan. Dapat dinilai daripada pakaian mereka, mereka ini berpegang kepada Syariah sebagai keutamaan untuk berfesyen walaupun mereka ini tergolong dalam generasi Y. Tetapi daripada mata kasarnya, pelakon tersebut lebih mematuhi dan mentaati batasan berpakaian yang seperti mana telah diterangkan di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Bukan hendak mengatakan bahawa pengusaha tersebut tidak sopan dan tidak mematuhi batasan pemakaian sebagai seorang wanita Muslim, akan tetapi ada beberapa gayanya masih lagi tidak sepenuhnya menutup aurat seperti gaya bertudungnya yang sedikit mendedahkan pada bahagian aurat beliau.

'*Modern Fashion*' lahir pada tahun 1850an, di mana ianya merupakan perkara penting dalam pakaian dan fesyen. (Daniel James Cole & Nancy Deihl, 2015) Kemodenan fesyen dipercayai wujud ketika bermula musim pakaian kain yang dipanggil skirt gelang (*hoop skirt*). Di samping itu, moden adalah bermula

perkembangannya kerana di mana sistem fesyen kontemporari dalam rekaan pakaian. Fesyen moden ini telah menjadi perhatian di kalangan generasi muda sekarang. Gaya pemakaian ini seperti yang kita dapat lihat ia telah menjadi fenomena di setiap negara, dan yang paling dekat dengan kita adalah ‘*modern street style*’ di mana ia telah menjadi satu fesyen trend yang sering diaplikasikan kepada pengguna muda sepanjang musim.



Gambar Rajah 5: Perbezaan antara gaya fesyen sederhana (modest) dan moden.

Berbeza dengan pakaian yang sederhana, pakaian moden ini lebih bebas untuk digayakan oleh pengguna generasi muda sekarang. Namun begitu, fesyen moden ini kebiasaanya datang daripada gaya Barat yang kian hari menjadi pengaruh kepada trend fesyen dari semasa ke semasa seiring dengan musim yang datang. Sebagai contohnya, ia boleh digayakan dengan apa jua jenis pakaian, seperti baju tanpa lengan (*sleeveless*), *skinny jeans*, atau skirt mini dengan legging, dan sebagainya. Merujuk kepada rajah di atas, pengkaji telah memberikan gambaran perbezaan antara pemakaian sederhana dan juga pakaian moden dalam tujuan berfesyen.



Gambar Rajah 6: Penampilan dua artis berhijab yang mengayakan fesyen yang sederhana dan moden dengan mengekalkan imej berhijab dan berniqab sebagai seorang wanita Muslim.

Fesyen sederhana dan moden terutama kepada fesyen moden tidak bermakna hanya pada pakaian semata-mata. Ia tidak semestinya skirt mini mahupun baju tanpa lengan (*sleeveless*) boleh dikaitkan daripada aksesori. Contohnya jika pengguna memakai jubah abaya tapi dipadankan dengan aksesori seperti kaca mata, kasut tumit tinggi, beg tangan dan sebagainya, semua barangan tersebut datang daripada Barat. Antara jenama Barat yang menghasilkan aksesori fesyen ialah Chanel, Swarovski, Gucci dan sebagainya. Fesyen sederhana dan modern ini merupakan gaya fesyen yang mana menggabungkan gaya yang mempunyai keseimbangan elemen Islamik dan elemen Barat dalam fesyen tersebut merujuk kepada Rajah 6. Rajah seperti di atas mempamerkan gaya selebriti yang berhijab, mengenakan baju besar dan labuh pada tubuhnya manakala aksesori iaitu beg tangan beliau adalah daripada jenama Barat antaranya dari Dior dan Yves Saint Laurent (YSL). Maka kedatangan gaya Barat ke Malaysia menjadi satu pertembungan yang telah mewujudkan satu koleksi trend fesyen. Di mana melalui

pertembungan itu, telah terhasilnya trend baru dan inspirasi idea baru yang mencipta  
pengayaan campur dan padan dalam berfesyen.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 3:**

### **METODOLOGI KAJIAN**

---

#### **3.1 PENGENALAN**

Metodologi kajian adalah satu kaedah yang digunakan di dalam sesebuah penyelidikan di mana merupakan suatu bentuk kawalan dalam memperolehi atau mendapatkan data dan juga maklumat agar dapat membantu menjawab kepada objektif-objektif yang dinyatakan di dalam kajian yang sedang dijalankan ini. Metodologi membawa maksud kepada sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Untuk memeperjelasannya, bab ini akan menerangkan kaedah yang digunapakai dalam kajian penerimaan generasi muda terhadap trend fesyen semasa yang melibatkan konsep sederhana dan moden. Secara khususnya, di dalam bab ini akan menerangkan mengenai metodologi kajian yang melibatkan kepada reka bentuk kajian, instrumen kajian, analisis data, ,Justeru itu, di dalam bab ini, akan menerangkan mengenai rekabentuk kajian, pengumpulan data, sasaran atau sampel kajian dan seterusnya kesimpulan kepada kaedah kajian ini.

## 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian adalah salah satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukkan rangkaian hubungan diantara pemboleh ubah yang terlibat di dalam sesuatu kajian (Fred N. Kerlinger, 1986). Menurut McMillan & Schumacher (1984), ia merujuk kepada cara penyelidikan dalam mengendalikan sesuatu kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Ia bertujuan untuk mengawal punca-punca biasa yang boleh mengganggu dapatan kajian. Justeru itu, reka bentuk kajian ini terbahagi kepada tiga teknik, iaitu kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif serta kaedah campuran iaitu di antara kualitatif dan kuantitatif. Setiap kaedah tersebut mempunyai proses untuk mendapatkan maklumat atau data yang berbeza bagi menjalankan penyelidikan.

### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (William M. Trochim, 2006). Kaedah kualitatif ini merupakan satu kaedah dalam mendapatkan maklumat secara terperinci tanpa sebarang bentuk numeratif. Kaedah ini bersifat deskriptif iaitu terdapatnya penghuraian makna atau perkara yang ingin dikaji. Antara pendekatan yang

digunakan di dalam teknik kualitatif ialah seperti pemerhatian, temubual, penulisan dan analisis dokumen. Kaedah kualitatif ini juga merupakan salah satu prosedur di dalam penyelidikan yang dapat menghasilkan data gambaran yang boleh diamati. (Lexy, 2007). Kualitatif ini dijalankan menerusi pemahaman, konteks, kerumitan dan juga subjektif.

Kajian kualitatif biasanya mengguna persoalan seperti, bagaimana, apa, dan mengapa. Metod yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kajian kualitatif disesuaikan dari bidang sains sosial seperti historiografi, etnografi, dan sosiologi kualitatif. Seterusnya, kaedah kualitatif ini merupakan strategi kajian yang mana menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpulkan dan dianalisis. Pendekatan kajian yang sering dikaitkan dengan reka bentuk kaedah kualitatif ini boleh disesuaikan melalui pendekatan seperti kajian kes, penyelidikan tindakan, fenomologi, teori berlandaskan, etnografi, dan naratif, yang mana lebih melibatkan dalam bidang sains sosial. Kaedah kajian ini lebih menekankan untuk merumuskan hipotesis, dan meringkaskan, mengkategorikan serta mentafsir kajian dalam perkataan berbanding pengumpulan data dan analisis.

### **3.2.2 Kaedah Kuantitatif**

Kaedah kuantitatif adalah merupakan satu kajian yang secara umumnya menggunakan analisis statistik yang lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Penyelidikan kuantitatif ini dikaitkan dengan data numerik dan



ketetapan. Kajian kuantitatif ini adalah jenis penyelidikan yang mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanyakan soalan secara khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang dikuantitatifkan daripada para responden, menganalisis nombor dengan menggunakan statistik dan menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif (John W. Creswell, 2008). Instrumen kajian yang dijalankan sebagai kaedah pendekatan kuantitatif adalah melalui tinjauan, penyelidikan eksperimen, penyelidikan pemerhatian dan analisis kandungan.

Seterusnya, kaedah kuantitatif ini bebrbeza dengan kaedah kualitatif, yang mana melalui pengukuran, pengujian dan objektif. Kaedah kajian ini lebih memfokuskan dalam memberi tumpuan kepada ujian teori dan hipotesis. Kemudiannya menggunakan analisis matematik dan analisis, data analisis dinyatakan dalam bentuk angka, graf dan juga jadual, serta mengajukan bentuk soalan sebagai soalan tertutup.

### 3.2.3 Kaedah Campuran

Kaedah campuran adalah gabungan antara dua kaedah, falsafah dan haluan reka bentuk penyelidikan antara kualitatif dan kuantitatif (John W. Creswell & Vicki L. Plano Clark, 2011). Kaedah campuran atau *mixed-methods* merujuk kepada kajian yang wujud dalam kajian bersistematik yang melibatkan data kuantitatif dan kualitatif melalui penyelidikan. Makanya, kaedah campuran



merupakan integrasi dan sinergi penggunaan data yang lebih lengkap berbanding perpisahan data dan analisis secara berasingan.

Kaedah campuran ini bertujuan untuk membuat perbandingan atau mencari data yang mana melibatkan kepada pengumpulan data dari segi deskriptif dan numerikal. Ianya adalah untuk memperolehi data atau maklumat ia melibatkan pelbagai jenis instrumen dengan penggabungan dua pendekatan kajian kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dengan menggabungkan atau menghubungkan dua jenis data secara serentak dengan cara menggabungkan secara berturutan atau menerapkan salah satu ke dalam yang lain (John W. Creswell & Vicki L. Plano Clark, 2011).

### **3.2.4 Pendekatan Kajian**

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif di dalam menjalankan penyelidikan ini. Hal ini adalah untuk mengumpulkan maklumat melalui penyelidikan pemerhatian dan analisis kandungan yang bersesuaian kepada penerimaan generasi Y terhadap trend fesyen semasa. Justeru itu, kaedah ini amat bersesuaian dengan kajian ini bagi bertujuan untuk mencapai matlamat objektif penyelidikan. Proses pengumpulan data dalam kajian ini adalah borang soal selidik secara tertutup yang diedarkan kepada responden.

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen ialah alat untuk mengumpul data yang dikehendaki bagi menjawab kepada persoalan penyelidikan. Maka, pada bahagian instrumen kajian ini adalah merupakan proses menyediakan alat pengumpulan data. Instrumen kajian digunakan sebagai satu alat asas bagi memeperolehi data sepertimana yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang diinginkan. Teknik yang digunakan di dalam instrumen kajian ini ialah soal selidik, temubual, dan pemerhatian.

<b>Metod Kajian</b>	<b>Teknik</b>
Kualitatif	Temubual, soal selidik, pemerhatian
Kuantitatif	Borang soal selidik

Jadual 1: Jenis Metodologi Kajian

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah memilih pendekatan kajian menggunakan kaedah kuantitatif. Hal ini kerana, kuantitatif dijalankan melalui borang soal selidik kepada responden. Kajian ini menggunakan set borang soal selidik, Segala data dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis secara terperinci. Kajian ini tidak bertujuan untuk digeneralisasikan kepada kumpulan pelajar yang lain. Kaedah kuantitatif ini menggunakan analisis data statistik dalam proses penerangan analisis data kemudian.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada satu set borang soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A (7 item), yang berkaitan dengan demografi para responden. Bahagian ini terdiri daripada jantina, umur, status, kaum, agama, tahap pendidikan dan pekerjaan. Manakala di bahagian B pula, terdapat 25 soalan yang berkaitan dengan penerimaan generasi muda terhadap trend fesyen semasa. Skala pengukuran yang digunakan dalam bahagian B ini adalah jenis likert yang mana terdiri daripada lima aras utama seperti jadual berikut:

Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Setuju	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Jadual 2: Skala Likert Lima Aras

### Contoh Soal Selidik

#### BAHAGIAN A

Umur :

18 tahun ke bawah	
19 tahun - 22 tahun	
23 tahun - 26 tahun	

27 tahun - 30 tahun	
---------------------	--

Kaum :

Melayu	
India	
Cina	
Lain-lain	

Nyatakan: \_\_\_\_\_

Perkerjaan :

Berkerja	
Tidak berkerja	
Pelajar	

Tahap Pendidikan :

PMR	
SPM	
Diploma/STPM/Kemahiran	
Ijazah	
PhD / Master	

Status :

Bujang	
Berkahwin	

Janda/Ibu Tunggal	
-------------------	--

### **BAHAGIAN B**

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>
1	Adakah anda tahu atau faham mengenai fesyen/pakaian sederhana?					
2	Adakah anda fikir terdapat banyak jenama fesyen sederhana pada masa ini?					
3	Adakah anda fikir fesyen yang sederhana harus lebih dikenali?					
4	Adakah anda fikir fesyen sederhana berpeluang melangkah jauh dalam industri fesyen?					
5	Adakah anda fikir kedai-kedai fesyen pakaian harus mempertimbangkan fesyen / pakaian yang sederhana?					
6	Adakah anda fikir t-shirt boleh dipakai sebagai pakaian sederhana?					
7	Adakah anda pernah membeli pakaian sederhana sebelum ini?					
8	Apa yang anda fikirkan sendiri ditunjukkan oleh apa yang anda pakai.					
9	Adakah anda setuju bahawa pakaian/fesyen sederhana sesuai digunapakai dalam kebanyakan majlis harian?					
10	Pada pandangan anda, adakah cara pemakaian fesyen sederhana yang sering digayakan oleh masyarakat di					

	Malaysia masih mematuhi Syariah?					
11	Adakah anda menyeimbangkan antara Syariah dan trend fesyen semasa memilih atau membeli pakaian?					
12	Adakah memakai pakaian sederhana yang bergaya menghilangkan makna kesopanan yang sebenarnya?					
13	Adakah anda fikir cara bergaya dengan memakai pakaian sederhana akan mendorong generasi wanita seterusnya memakai pakaian yang lebih sederhana?					

### **BAHAGIAN C**

1. Pada pandangan anda, apakah gaya fesyen kini di kalangan generasi muda di Malaysia?

---

2. Apakah pendapat anda mengenai fesyen “mix and match” iaitu penggabungan dua gaya antara pemakaian Islamik dan gaya Barat?

---

3. Apakah gaya pemakaian yang anda selesa untuk dipakai keluar?

---

4. Pada pendapat anda, adakah pakaian yang dipakai menentukan bagaimana orang menilai anda?

---

5. Berapa kerapkah anda membeli pakaian baru?

---

6. Apa peningkatan yang anda ingin lihat dalam industri fesyen?

---

### 3.4 ANALISIS DATA

Analisis data adalah prosesnya menilai data menggunakan logik dan analitik penakulan untuk berhati-hati memeriksa setiap komponen data yang dikumpulkan atau disediakan. Analisis data merupakan kaedah yang penting dalam setiap kajian yang dijalankan. Dengan adanya penggunaan analisis data, membolehkan pengkaji memperolehi hasil atau data sesuatu kajian yang dijalankan. Malahan, ia merupakan kaedah yang mengawal dan mempersembahkan data yang diperolehi oleh pengkaji. Analisis ini adalah membuat analisis terhadap dat-data yang telah dikumpulkan dari soal selidik yang telah dikemukakan kepada para responden hasil dapatan daripada analisis ini akan dibuat rumusan dalam mengenal pasti aspek kekuatan dan kelemahan untuk dicadangkan kepada tindakan bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang wujud.

Analisis data atau pengumpulan data ini juga adalah salah satu cara menyelesaikan persoalan kajian. Seterusnya, kajian akan dijalankan berpandukan dua teknik utama dalam mendapatkan data iaitu prngumpulan data primer dan rujukan data sekunder. Di mana data-data primer diperolehi daripada buku, jurnal dan juga tesis. Selain daripada itu, pengkaji juga menggunakan kemudahan teknologi di platform yang telah disediakan dan dipercayai dalam mencari maklumat-maklumat yang berkaitan atau bersesuaian dengan kajian di internet. Manalaka data-data sekunder pula diperolehi melalui tiga instrumen kajian iaitu soal selidik, ujian bertulis dan pemerhatian yang berpanjangan.

Analisis data bagi kaedah kuantitatif ini didasarkan kepada nombor. Yang mana iai menggunakan analisis matematik atau analisis statistik data, yang dgunakan untuk



menemui kesamaan dan corak dalam data kajian. Hasil analisis data ini sering diinterpretasikan dalam bentuk graf, carta pie dan juga jadual. Dalam penghasilan graf atau jadual ini, aplikasi seperti Excel sering digunakan untuk mengira seperti skor purata, korelasi atau penyebab antara dua atau lebih pemboleh ubah, dan kebolehpercayaan serta kesahihan dapatan pada kajian yang dijalankan.

Dalam penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan teknik grafik statistik. Jenis grafik atau diagram ini dapat dimanfaatkan untuk menggambarkan ringkasan kepada data. Grafik yang digunakan pengkaji untuk menginterpretasikan data adalah histogram (bar) dan diagram lingkaran (*pie chart*). Keunggulan daripada suatu grafik atau diagram adalah kemampuannya dalam mewakili penjelasan bahasa verbal yang panjang. Maka, tanpa penjelasan dalam bentuk verbal, pembaca dapat memahami dengan mudah berkenaan maklumat yang ingin disampaikan melalui diagram yang diaplikasikan oleh pengkaji. Oleh yang demikian, penyajian ringkasan data berupa grafik sangat efisien kerana dapat mewakili kepada penjelasan dalam bentuk verbal yang panjang.

### 3.5 SASARAN KAJIAN

Bagi mencapai matlamat kajian tinjauan, pengkaji menjalankan kajian ke atas populasi sasaran. Memandangkan kajian ini bertujuan melihat perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji, maka di sini populasi kajian adalah terdiri golongan generasi Y terutamanya wanita Muslim di Malaysia.

Persampelan adalah sesuatu proses pemilihan elemen-elemen di dalam sesebuah populasi kajian bagi tujuan mewakili populasi sesebuah kajian. Proses persampelan yang baik dan sempurna dapat membantu membuat generalisasi melalui pengujian hipotesis kajian (Mohd. Majid Konting, 2000). Oleh itu, di dalam penyelidikan ini, pengkaji akan lebih mengfokuskan kepada kumpulan fokus yang melibatkan golongan generasi Y atau Gen-Y di Malaysia. Ini kerana, ia bersesuaian dengan objektif kajian dimana ia berkenaan dengan penerimaan trend fesyen semasa yang kini kian menjadi perhatian di setiap kelompok masyarakat muda.

Selain itu, persampelan kajian ini dikaji terbuka kepada semua jantina dan pelbagai agama bagi mendapat pandangan yang berbeza yang tidak tertakluk kepada satu sisi pandangan golongan wanita Muslim sahaja. Lingkungan umur yang telah dihadkan pengkaji adalah dariada umur 18 tahun sehingga 28 tahun. Manakala, bilangan responden yang dijangkakan adalah seramai 20 hingga 30 orang responden dalam proses membolehkan pengumpulan data kajian.

Di dalam sasaran ini, pengkaji telah memfokuskan kajian kepada wanita Muslim di Malaysia yang tergolong dalam golongan generasi Y. Hal ini kerana, kalangan wanita di Malaysia kini sangat mudah tertarik dengan cara pakaian berfesyen seiring dengan perkembangan trend fesyen berbanding kalangan lelaki. Seterusnya, dengan pemerhatian dari semasa ke semasa, pengkaji dapat melihat bahawa golongan ini iaitu wanita Muslim sering menggayakan pakaian lebih sederhana dan moden, yang mana ingin mengikuti trend fesyen walaupun golongan ini berhijab. Hal ini kerana untuk berfesyen adalah bebas kepada semua orang yang ingin menggayakan diri mereka sendiri. Malahan, jiwa generasi Y sangat muda kerana di atas keinginan mencuba mereka yang sangat tinggi. Di samping mereka lebih suka untuk mencuba perkara yang baru seperti pakaian trend fesyen yang datang bersilih ganti di sokong dengan pengaruh yang kuat daripada pembangunan persekitaran.

### 3.6 KESIMPULAN

Natijahnya, kajian metodologi jelas amat penting sebelum menjalankan atau melaksanakan sesuatu kajian penyelidikan. Hal ini kerana kualiti sesuatu kajian itu bergantung kepada ketetapan dan kesesuaian penggunaan kaedah dalam mengkaji objektif serta persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Maka di dalam bab ini, pengkaji membincangkan kaedah kajian yang digunakan di mana merangkumi reka bentuk kajian, instrumen kajian, analisis data dan terakhir sekali sasaran kajian dalam pengumpulan data. Seterusnya, kaedah kajian ini dapat dia analisis secara sistematik bagi menjawab kepada objektik dan persoalan kajian daripada pengkaji. Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif statistik deskriptif di mana penyelidikan dijalankan menggunakan reka bentuk tinjauan serta soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumat secara terperinci dan bersistematik yang berkaitan dengan penyelidikan.

## **BAB 4:**

### **ANALISIS DATA**

---

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini adalah bertujuan untuk mengetengahkan penemuan dari data yang dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif kajian dan pengkaji akan membentangkan dapatan kajian. Analisis data yang dijalankan di dalam sesebuah kajian penyelidikan bertujuan untuk mencapai tujuan penyelidikan, yang mana penyelidik akan menerangkan dengan lebih terperinci analisis data yang diperolehi daripada data soal selidik yang telah diagihkan kepada para responden. Perkara-perkara yang terkandung di dalam bab ini ialah demografi responden, instrumen kajian, cara menganalisis data dan analisis dapatan kajian. Di samping itu, di dalam bab ini juga akan menghuraikan dapatan hasil pengumpulan data primer kepada persoalan dan objektif kajian yang telah diketengahkan oleh penyelidik dalam sampel para responden dalam kajian mengenai Penerimaan Trend Fesyen Semasa di Kalangan Generasi Muda.

## 4.2 METODOLOGI PENGUMPILAN DAN ANALISIS DATA

Data-data primer dikumpulkan dengan menggunakan kaedah kaji selidik. Di mana instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang digagikan kepada para responden di kalangan generasi muda. Borang soal selidik ini menganduni dua fungsi utama yang membantu pengkaji, iaitu untuk mengumpul maklumat demografi responden seperti umur, kaum, tahap pendidikan, tahap pekerjaan dan status, dan juga untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk pengukuran pemboleh ubah secara individu.

Dalam konteks kajian ini, soalan-soalan mengenai borang soal selidik ini dibina bagi mengukur tahap penerimaan masyarakat terutama generasi muda terhadap trend fesyen semasa seperti tahap pemahaman dan tahap pengaruh penerimaan trend fesyen. Seterusnya, soalan-soalan ini juga dihasilkan bagi melihat persepsi dan penilaian para responden terhadap penerimaan trend fesyen semasa di kalangan generasi muda terutama bagi wanita Muslimah. Untuk memudahkan kaedah pengukuran dilakukan, Skala Guttman dan Skala Likert diunakan bai meliat kecenderunan sikap, persepsi dan penilaian responden teradap sesebuah pertanyaan.

#### 4.2.1 Objektif Soal Selidik

Kajian soal selidik digunakan bagi mendapatkan data-data untuk menjawab objektif-objektif kajian berikut di dalam bab sebelumnya, iaitu:

- d) Untuk mengkaji jenis dan ciri trend fesyen semasa ke arah (sederhana dan moden).
- e) Untuk mengenal pasti penerimaan generasi muda hari ini terhadap trend fesyen semasa (sederhana dan moden).
- f) Untuk menghasilkan cadangan satu koleksi rekaan fesyen yang menggabungkan elemen dari Barat dan Melayu menjadi sederhana dan moden.

#### 4.2.2 Struktur Soal Selidik

Dalam kajian ini, soal selidik telah direka berpandukan objektif kajian pada Bab 1 serta menjawab kepada persoalan-persoalan kajian. Set borang soal selidik ini telah dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu bahagian A, B, C dan D. Pada bahagian A merupakan maklumat demografi responden yang mengandungi lima item sahaja, iaitu umur, kaum, tahap pendidikan, tahap pekerjaan dan status. Di bahagian B, mengandungi pertanyaan-pertanyaan berkenaan persepsi responden terhadap trend fesyen sederhana pakaian yang lebih modest. Menggunakan tiga skala dengan diberikan bermula daripada ya, tidak dan tidak pasti. Bahagian ini mengandungi 16 soalan yang meliputi kefahaman am maksud modest itu sendiri dan pengaruh pakaian modest di kalangan pengguna Muslimah. Manakala dibahagian C adalah mengenai persepsi responden terhadap trend fesyen modest dan moden disamping mematuhi Syariah berpakaian sebagai seorang Muslimah. Di bahagian ini pula mengandungi lima skala yang diberikan, iaitu bermula dengan sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Seterusnya, di bahagian ini juga mengandungi 7 soalan. Dan yang terakhir adalah bahagian D, yang berkaitan rajah dengan kecenderungan pemilihan variasi gaya dan warna yang diminati



### 4.2.3 Kaedah Persampelan

Untuk melaksanakan penyelidikan ini, penulis menggunakan kaedah persampelan secara rawak. Teknik ini digunakan dengan memilih sampel yang dapat dicapai dengan mudah seperti memperkenalkan serta menghasilkan lebih banyak pakaian modest supaya lebih dikenali. Dalam penyelidikan ini, penyelidik memfokuskan kepada para responden di kalangan generasi muda

### 4.2.4 Analisis Data

Data-data primer yang dikumpul daripada soalan kaji selidik akan disatukan dan dianalisis. Segala data kuantitatif ini akan diteliti bagi mendapatkan gambaran menyeluruh berkenaan kecenderungan responden terhadap soalan-soalan yang diajukan. Jadual-jadual ini mengadungi item skor, kekerapan, dan peratus yang diperolehi hasil daripada maklum balas responden. Hasil dapatan kajian akan dapat dilihat melalui kekerapan dan peratus responden memilih jawapan yang diperolehi. Dengan soal selidik menggunakan Skala Likert dan Skala Guttman, nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan, dipuratakan seterusnya dapat diinterpretasikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang sah dan boleh dipercayai.

### 4.3 HASIL KAJIAN


Dalam bab ini pengkaji memaparkan data-data daripada soal selidik terhadap responden yang dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan. Soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan di awal kajian akan dijawab melalui analisis ini. Soalan-soalan kajian tersebut terbahagi kepada satu jenis kaedah sahaja, iaitu:

1. Soalan soal selidik untuk responden.
  - a. Maklumat diri responden.
  - b. Persepsi responden terhadap trend fesyen modest.
  - c. Kecenderungan responden terhadap penerimaan trend fesyen semasa fesyen modest dan moden di samping mematuhi Syariah berpakaian sebagai seorang Muslimah.
  - d. Pemilihan responden terhadap gaya fesyen modest yang digemari oleh generasi muda kini

### 4.3.1 Bahagian A: Demografi

#### a. Umur

Carta bar di bawah menunjukkan seramai 30 orang responden telah menjawab kajian soal selidik yang diedarkan. Berdasarkan carta bar 4.3.1.1, menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri dalam kalangan mereka yang berumur 23 tahun hingga 26 tahun iaitu seramai 23 orang bersamaan 77.0%. Ini diikuti responden berusia 19 tahun hingga 22 tahun seramai 4 orang bersamaan 13.3% dan kemudiannya responden dalam kumpulan umur 27 tahun hingga 30 tahun seramai 3 orang atau bersamaan 10.0%. Angka ini bukan sesuatu yang janggal memandangkan mereka dalam kumpulan umur 23 tahun 26 tahun merangkumi golongan generasi muda yang mengikuti trend fesyen semsa.




Carta Bar 4.3.1.1: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan kumpulan

umur

## b. Kaum


Carta bar 4.3.1.2 di bawah menunjukkan jumlah responden daripada beberapa kumpulan kaum yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina dan India. Carta tersebut menunjukkan jelas bahawa kumpulan kaum Melayu mengatasi jumlah responden daripada kaum Cina dan kaum India, yang mana kaum Melayu seramai 26 orang responden bersamaan dengan 84.0%. Manakala diikuti oleh responden daripada kumpulan kaum Cina iaitu seramai 4 orang dengan peratusan sebanyak 13.3%.



Carta Bar 4.3.1.2: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan kumpulan kaum

### c. Tahap Pekerjaan


Carta di bawah memberikan gambaran bahawa hampir keseluruhan responden adalah tergolong daripada kalangan pelajar iaitu seramai 21 orang responden bersamaan dengan 70.0%. Diikuti pula responden yang bekerja seramai 9 orang iaitu bersamaan 30.0%. Angka ini bukan sesuatu yang janggal memandangkan generasi muda kini merupakan hampir majoriti daripada mereka masih bergelajaer sebagai seorang pelajar.



Carta Bar 4.3.1.3: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan tahap pekerjaan

#### d. Tahap Pendidikan


Carta 4.3.1.4 di bawah menunjukkan pendidikan responden sebahagian besarnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 23 orang responden bersamaan 76.7%. Kemudian diikuti responden yang berpendidikan di peringkat Diploma, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Kemahiran seramai 7 orang responden atau 23.3%.



Carta Bar 4.3.1.4: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan tahap pendidikan

#### e. Status

Carta bar di bawah menunjukkan jumlah responden yang masih bujang mengatasi jumlah responden yang berkahwin mahupun duda/janda dengan seramai 26 orang responden bersamaan 87.0%. Ini diikuti responden berstatus sudah berkahwin seramai 4 orang responden atau 13.3%.



Carta Bar 4.3.1.5: Taburan kekerapan dan peratus responden berdasarkan status perkahwinan

MALAYSIA

KELANTAN




### 4.3.2 Bahagian B: Fesyen Modest

Berdasarkan objektif kajian, di dalam bahagian ini pengkaji mengkaji dan menyelidik ciri penerimaan trend fesyen modest. Pengkaji menggunakan tiga skala iaitu ya, tidak dan tidak pasti.

**Soalan 1: Adakah anda tahu atau faham mengenai fesyen/pakaian sederhana (modest fashion)?**

Carta Pai di bawah, memperlihatkan di mana majoriti daripada 30 responden menyatakan bahawa mereka memahami atau mengetahui mengenai erti fesyen/pakaian modest. Seramai 23 orang responden iaitu bersamaan 77.0%. Dan manakala selebihnya iaitu seramai 7 orang responden dengan mewakili sebanyak 23.0%, menyatakan bahawa mereka tidak pasti mengenai pengetahuan terhadap fesyen/ pakaian modest.


UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Carta Pai 4.3.2.1: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 2: Adakah anda fikir terdapat banyak jenama fesyen yang menghasilkan/menjual pakaian modest fesyen pada masa ini?**


Carta Pai 4.3.2.2 di bawah, menunjukkan di mana majoriti daripada 30 responden menyatakan bahawa mereka berfikir jika terdapat banyak jenama fesyen di luar yang menghasilkan/menjual fesyen/pakaian modest. Seramai 23 orang responden iaitu bersamaan 77.0%. Dan manakala selebihnya iaitu seramai 7 orang responden dengan mewakili sebanyak 23.0%, menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada banayak atau tidak jenama fesyen di luar memperkenalkan fesyen modest ini.



Carta Pai 4.3.2.2: Kecenderungan responden terhadap penghasilan atau penjualan pakaian modest

**Soalan 3: Adakah anda fikir fesyen modest harus lebih dikenali oleh pengguna/masyarakat?**


Carta Pai 4.3.2.3 di bawah, memperlihatkan hampir keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka bersetuju untuk pakaian modest ini lebih dikenali oleh kelompok masyarakat dengan seramai 29 orang responden iaitu bersamaan 97.0%. Dan manakala selebihnya iaitu seorang responden dengan mewakili sebanyak 3.0%, menyatakan bahawa mereka tidak pasti mengenai memperkenalkan pakaian modest kepada pengguna



Carta Pai 4.3.2.3: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 4: Adakah anda fikir fesyen modest berpeluang melangkah jauh dalam industri fesyen?**


Carta Pai 4.3.2.4 di bawah, memperjelaskan bahawa fesyen modest ini mampu dan berpeluang untuk melangkah jauh dalam industri fesyen, iaitu seramai 26 orang responden bersamaan 87.0%. Dan selebihnya iaitu seramai 4 orang responden dengan mewakili sebanyak 13.0%, menyatakan bahawa mereka tidak pasti jika fesyen/pakaian modest ini mampu melangkah jauh ataupun tidak di dalam industri fesyen ini.



Carta Pai 4.3.2.4: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 5: Adakah anda fikir kedai-kedai fesyen pakaian harus mempertimbangkan fesyen / pakaian yang sederhana dalam fesyen modest?**


Carta Pai 4.3.2.5 di bawah, menunjukkan majoriti mempersetujui kebanyakan kedai-kedai fesyen pakaian harus mempertimbangkan pakai modest dengan sokongan memilih ya seramai 28 orang responden iaitu bersamaan 93.0%. Dan manakala selebihnya iaitu tidak pasti seramai 3 orang responden dengan mewakili sebanyak 7.0%, tidak pasti bahawa kedai kedai fesyen pakaian harus mempertimbangkan pakaian modest sebagai produk mereka.



Carta Pai 4.3.2.5: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 6: Adakah anda fikir t-shirt boleh dipakai sebagai pakaian sederhana dalam kategori fesyen modest?**


Carta Pai 4.3.2.6 di bawah, memperlihatkan seramai 16 orang responden iaitu bersamaan 53.0% memilih tidak sebagai jawapan bahawa t-shirt boleh dikategorikan sebagai pakaian/fesyen modest. Diikuti dengan pilihan jawapan ya iaitu seramai 12 orang responden dengan mewakili sebanyak 40.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak terhadap pakaian t-shirt juga boleh dipakai sebagai pakaian sederhana dalam kategori fesyen modest dengan seramai 2 responden dengan peratusan sebanyak 7.0%.



Carta Pai 4.3.2.6: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 7: Adakah anda pernah membeli pakaian modest sebelum ini?**

Carta Pai 4.3.2.7 di bawah, menunjukkan seramai 24 orang responden iaitu bersamaan 80.0% memilih ya yang mana menyatakan bahawa mereka pernah membeli pakaian modest sebelum ini. Diikuti dengan pilihan jawapan tidak pasti iaitu seramai 5 orang responden dengan mewakili sebanyak 17.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak terhadap pembelian pakaian modest untuk diri mereka sendiri dengan seorang responden dengan peratusan sebanyak 3.0%.




Carta Pai 4.3.2.7: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest



**Soalan 8: Adakah anda percaya bahawa pakaian modest sudah ketinggalan zaman dan kuno “old-fashioned”?**


Carta Pai 4.3.2.8 di bawah, memperlihatkan seramai 13 orang responden iaitu bersamaan 43.0% memilih tidak sebagai pernyataan bahawa pakaian modest tidaklah ketinggalan zaman dan kuno. Diikuti dengan pilihan jawapan tidak pasti iaitu seramai 11 orang responden dengan mewakili sebanyak 37.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan ya terhadap fesyen modest telah ketinggalan zaman dan kuno “old-fashioned” dengan seramai 6 orang responden dengan peratusan sebanyak 20.0%.



Carta Pai 4.3.2.8: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 9: Adakah anda menyeimbangkan antara Syariah dan trend fesyen semasa memilih atau membeli pakaian?**


Carta Pai 4.3.2.9 di bawah, memperlihatkan seramai 27 orang responden iaitu bersamaan 90.0% memilih ya menyatakan bahawa mereka akan menyeimbangkan Syariah berpakaian dan trend fesyen dalam memilih atau membeli pakaian. Disusuli dengan pilihan jawapan tidak pasti iaitu seramai 2 orang responden dengan mewakili sebanyak 7.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak terhadap menyeimbangkan Syariah berpakaian semasa memilih atau membeli pakaian berfesyen.



Carta Pai 4.3.2.9: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 10: Adakah memakai pakaian sederhana dalam fesyen modest yang berketerampilan dan bergaya mampu menghilangkan makna kesopanan berpakaian yang sebenarnya?**


Carta Pai 4.3.2.10 di bawah, menunjukkan majoriti responden menyatakan memakai pakaian sederhana dalam fesyen modest tidak menghilangkan makna kesopanan berpakaian dengan seramai 17 orang responden iaitu bersamaan 56.0% . Diikuti dengan pilihan jawapan ya iaitu seramai 8 orang responden dengan mewakili sebanyak 27.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak pasti terhadap sama ada makna kesopanan itu hilang atau tidak dalam kategori pemakaian sederhana seramai 5 responden dengan peratusan sebanyak 17.0%.



Carta Pai 4.3.2.10: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 11: Terdapat banyak jenis fabrik di luar sana, namun adakah anda tahu bahawa ada sesetengah fabrik yang tidak sesuai digunakan untuk dipakai dalam mengekalkan identiti pakaian modest kerana ia boleh melekat dan boleh mengikut bentuk tubuh badan walaupun ia direka longgar seperti jubah?**


Carta Pai 4.3.2.11 di bawah, memperlihatkan seramai 23 orang responden iaitu bersamaan 77.0% memilih ya sebagai jawapan bahawa sesetengah fabrik tidak sesuai digunakan dalam penghasilan pakaian modest bagi mengekalkan identiti modest itu sendiri. Diikuti dengan pilihan jawapan tidak pasti iaitu seramai 6 orang responden dengan mewakili sebanyak 20.0%. Dan manakala seterusnya memilih jawapan tidak terhadap dengan seorang responden dengan peratusan sebanyak 3.0%.



Carta Pai 4.3.2.11: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 12: Bagi anda, adakah fesyen penting dalam kehidupan anda?**


Carta Pai 4.3.2.12 di bawah, menunjukkan bahawa fesyen adalah penting dalam kehidupan seramai 19 orang responden iaitu bersamaan 63.0%. Disusuli dengan pilihan jawapan tidak iaitu seramai 6 orang responden dengan mewakili sebanyak 20.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak terdahap kepentingan fesyen di dalam kehidupan dengan seramai 5 orang responden dengan peratusan sebanyak 17.0%.



Carta Pai 4.3.2.12: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 13: Adakah anda rasa pakaian modest hari ini memenuhi citarasa dan keperluan gaya pemakaian generasi muda kini?**


Carta Pai 4.3.2.13 di bawah, memperlihatkan jumlah responden yang sama majoriti pilihan ya dan tidak pasti, yang mana masing masing memiliki seramai 12 orang responden bersamaan 40.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak bahawa pakaian modest hari ini memenuhi citarasa dan keperluan gaya pemakaian generasi muda kini iaitu seramai 6 responden dengan peratusan sebanyak 20.0%.



Carta Pai 4.3.2.13: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 14: Adakah anda mengikuti mana-mana blog atau selebriti yang sering berkongsi gaya fesyen modest?**

Carta Pai 4.3.2.14 di bawah, majoriti responden memperlihatkan seramai 22 orang responden iaitu bersamaan 64.0% memilih ya bahawa mereka mengikuti blog dan media sosial selebriti yang sering mempamerkan dan berkongsi gaya fesyen modest. . Diikuti dengan pilihan jawapan tidak iaitu seramai 7 orang responden dengan mewakili sebanyak 23.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak pasti mengenai sama ada mereka ada mengikuti mana-mana blog atau medis sosial selebriti yang sering berkongsi gaya fesyen modest dengan seorang responden dengan peratusan sebanyak 3.0%.




Carta Pai 4.3.2.14: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest



**Soalan 15: Adakah anda fikir bahawa cara bergaya dengan memakai pakaian modest akan mendorong generasi wanita seterusnya memakai pakaian yang lebih modest?**


Carta Pai 4.3.2.15 di bawah, menunjukkan seramai 20 orang responden iaitu bersamaan 66.0% memilih ya sebagai jawapan bahawa cara bergaya dengan memakai pakaian modest akan mendorong generasi wanita seterusnya memakai pakaian yang lebih modest. Diikuti dengan pilihan jawapan tidak pasti iaitu seramai 8 orang responden dengan mewakili sebanyak 27.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak seramai 2 responden dengan peratusan sebanyak 7.0%.



Carta Pai 4.3.2.15: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

**Soalan 16: Pakaian modest kini datang dengan pelbagai gaya fesyen, Dan adakah ia mampu mengubah cara berketerampilan seseorang di kalangan generasi akan datang untuk berpakaian lebih modest?**

Carta Pai 4.3.2.16 di bawah, memperlihatkan seramai 16 orang responden iaitu bersamaan 53.0% memilih tidak bahawa fesyen odest kini mampu mengubah cara berketerampilan seseorang di kalangan generasi akan datang untuk menggayakan pakaian modest. Diikuti dengan pilihan jawapan tidak pasti iaitu seramai 9 orang responden dengan mewakili sebanyak 30.0%. Dan manakala selebihnya memilih jawapan tidak dengan seramai 5 orang responden dengan peratusan sebanyak 17.0%.




Carta Pai 4.3.2.16: Kecenderungan kefahaman responden mengenai erti fesyen/pakaian modest

### **4.3.3 Bahagian C: Trend Fesyen Modest dan Moden disamping Syariah Berpakaian**

Berdasarkan objektif kajian yang kedua, di dalam bahagian ini pengkaji mengkaji dan menyelidik persepsi penerimaan trend fesyen modest dan moden di samping mematuhi Syariah berpakaian. Pengkaji mengguna pakai lima skala, iaitu bermula dengan sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

**Soalan 1: Apa yang anda fikirkan sendiri ditunjukkan oleh apa yang anda pakai.**


Carta di bawah menunjukkan mengenai pakaian yang dipakai adalah apa yang anda fikirkan. Di sini terdapat majoriti bersetuju dengan kenyataan tersebut di mana, seramai 20 orang responden bersamaan 61.0%. Seterusnya, seramai 6 responden iaitu 18% menyatakan mereka kurang setuju dengan pernyataan yang diajukan di dalam soal selidik ini. Diikuti pula seramai 3 orang responden bersamaan 12.0% sangat setuju, manakala selebihnya menjawab tidak setuju dengan peratusan 9.0%.



Carta Pai 4.3.3.1:Persepsi responden terhadap pakaian mampu dipengaruhi oleh pemikiran sendiri

**Soalan 2: Pada pandangan anda, adakah anda setuju bahawa cara pemakaian modest fesyen yang sering digayakan oleh masyarakat di Malaysia masih mematuhi Syariah?**


Carta 4.3.3.2 di bawah menunjukkan persepsi responden mengenai cara berpakaian masyarakat kini masih mematuhi Syariah berpakaian. Di sini terdapat majoriti kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut di mana, seramai 16 orang responden bersamaan 53.0%. Seterusnya, seramai 12 responden iaitu 40.0% menyatakan mereka setuju dengan pernyataan yang diajukan di dalam soal selidik ini. Diikuti pula seramai 2 orang responden bersamaan 7.0% tidak setuju.



Carta Pai 4.3.3.2: Persepsi responden terhadap pemakain fesyen kini masih mematuhi Syariah berpakaian

**Soalan 3: Adakah anda setuju bahawa pengguna boleh menggunakan teknik pakaian fesyen “mix and match” untuk menggayakan dan mengikuti trend fesyen Barat dalam berpakaian fesyen di samping mematuhi Syariah berpakaian bagi wanita Muslimah?**


Carta Pai 4.3.3.3 di bawah, memperlihatkan jumlah responden yang sama majoriti pemilihan terhadap sangat setuju dan setuju, dengan masing masing mengumpul responden seramai 12 orang responden dengan peratusan sebanyak 40.0%. Dan selebihnya memilih jawapan kurang setuju iaitu seramai 6 orang responden bersamaan 20.0% terhadap teknik mix and match boleh digunakan dalam menggayakan fesyen dan mengikuti trend fesyen Barat tanpa mengetepikan Syariah berpakaian bagi wanita Muslimah.



Carta Pai 4.3.3.3: Persepsi responden terhadap pakaian mix and match dalam mengikuti trend fesyen

**Soalan 4: Pada pandangan anda, adakah anda setuju bahawa orang akan menilai anda berdasarkan bagaimana cara keterampilan pemakaian anda?**


Carta di bawah menunjukkan majoriti bersetuju dengan kenyataan tersebut di mana, seramai 15 orang responden bersamaan 50.0%. Seterusnya, seramai 7 responden iaitu 23.0% menyatakan mereka kurang setuju dengan pernyataan yang diajukan di dalam soal selidik ini. Diikuti pula seramai 5 orang responden bersamaan 17.0% sangat setuju, manakala selebihnya menjawab sangat tidak setuju dengan peratusan 10.0%, bahawa orang akan menilai seseorang berdasarkan cara berpakaian atau keterampilan seseorang.



Carta Pai 4.3.3.4: Persepsi responden terhadap cara orang mentafsir berdasarkan pemakaian

**Soalan 5: Fesyen Barat tidak terikat atau hanya tergantung pada pakaian sahaja tetapi ianya meluas seperti aksesori, beg tangan dan sebagainya.**

Carta Pai 4.3.3.5 di bawah menyatakan bahawa fesyen Barat tidak hanya terikat kepada pemakaian semata-mata. Di sini terdapat majoriti bersetuju dengan kenyataan tersebut di mana, seramai 21 orang responden bersamaan 70.0%. Seterusnya, seramai 6 responden iaitu 20.0% menyatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan yang diajukan di dalam soal selidik ini. Diikuti pula seramai 3 orang responden bersamaan 10.0% kurang setuju.




Carta Pai 4.3.3.5: Persepsi responden terhadap jenis fesyen Barat



**Soalan 6: Aplikasi gaya pemakaian fesyen generasi muda kini lebih cenderung kepada gaya fesyen Barat oleh kerana mereka mudah terpengaruh dengan trend luar.**


Carta di bawah menyatakan gaya pemakaian fesyen generasi muda kini lebih cenderung kepada gaya Barat oleh kerana mereka mudah terpengaruh dengan trend luar. Di sini terdapat hampir keseluruhan responden bersetuju dengan kenyataan tersebut di mana, seramai 18 orang responden bersamaan 60.0%. Diikuti pula seramai 12 orang responden bersamaan 40.0% sangat setuju,



Carta Pai 4.3.3.6: Persepsi responden terhadap aplikasi gaya pemakaian fesyen kini yang lebih berdasarkan kepada trend fesyen Barat

**Soalan 7: Dalam kecenderungan mengikuti trend fesyen, kita boleh membuat gaya baru dengan menggunakan teknik pengaplikasian mix and match dalam mencipta gaya baru bagi wanita Muslimah seperti menggabungkan pakaian modest dengan aksesori dari Barat.**


Carta Pai 4.3.3.7 di bawah ini memperlihatkan majoriti responden bersetuju dengan penciptaan gaya fesyen baru dengan penggunaan teknik pengaplikasian mix and match bagi wanita Muslimah dengan menggabungkan gaya fesyen daripada Barat, iaitu semai 23 orang responden bersamaan 77.0%. Dan selebihnya menyatakan mereka sangat bersetuju terhadap kenyataan yang diajukan dengan seramai 7 responden mewakili peratusan sebanyak 23.0%.




Carta Pai 4.3.3.7: Persepsi responden terhadap kecenderungan mengikuti trend fesyen dengan mencipta gaya baru bagi wanita Muslimah

#### 4.3.4 Bahagian D: Pemilihan Gaya Keterampilan Gaya dan Trend Warna yang Diminati oleh Generasi Muda

**Soalan 1: Rekaan manakah di bawah akan anda pakai sebagai gaya pakaian fesyen anda? Sila pilih 3 rekaan gaya pakaian mengikut cita rasa yang sesuai dengan anda. Di bawah ini terdapat 10 trend pilihan warna yang boleh anda pilih mengikut gaya anda yang tersendiri. Sila pilih 3 warna yang bagi anda rasa sesuai dengan gaya rekaan pilihan seperti anda di atas.**




Carta Bar 4.3.4.1: Pemilihan gaya rekaan yang lebih digemari oleh para responden



Gambar Rajah 7: Dua rekaan yang mendapat undian pilihan yang tertinggi di antara 10 rekaan gaya


Gambar Rajah di atas, merujuk kepada gaya rekaan atau pemakaian yang lebih diminati oleh responden. Di mana Rekaan 4 telah mendapat undian kedua tertinggi, itu sebanyak 66.70% yang menjadi gaya pilihan yang digemari responden. Dan seterusnya diikuti oleh rekaan pilihan yang tertinggi, iaitu Rekaan 10 dengan peratusan sebanyak 70.0%. Dapat dilihat melalui peratusan pilihan tersebut, bahawa dua rekaan ini telah mendapatkan peratusan yang tidak jauh beza.

**Soalan 2: Di bawah ini terdapat 10 trend pilihan warna yang boleh anda pilih mengikut gaya anda yang tersendiri. Sila pilih 3 warna yang bagi anda rasa sesuai dengan gaya rekaan pilihan seperti anda di atas.**



Carta Bar 4.3.4.1: Pemilihan warna oleh responden yang sesuai dengan cita rasa mereka

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar Rajah 8: Warna yang mendapat undian tertinggi di antara 10 pilihan warna yang telah diberikan

Gambar Rajah 8 di atas, memaparkan dua pilihan yang tertinggi di antara 10 pilihan warna yang telah diberikan melalui borang soal selidik. Warna 3 telah mendapatkan undian paling tinggi yang digemari oleh responden dengan memegang peratusan sebanyak 53.0%, dan diikuti 46.70% undian pada warna pilihan ke 10.

## 4.4 PROSES REKAAN

### 4.4.1 Konsep Rekaan

Konsep bagi rekaan ini adalah menggunakan konsep elemen sederhana (modest) dan moden dan sedikit gabungan gaya fesyen Barat. Di mana, trend seperti pakaian konsep ‘transparent’ iaitu menunakan kain/fabrik yang agak jarang dan juga potongan pada lengan pakaian. Rekaan produk ini dihasilkan menggunakan jenis kain satin dan organza. Produk ini dihasilkan khusus buat para wanita di kalangan generasi muda. Selain itu, rekaan ini sesuai dipakai di acara atau majlis tidak rasmi. Malahan ia direka untuk pakaian kasual sesuai dengan trend gaya yang diminati generasi muda kini.

Bagi sasaran rekaan ini adalah difokuskan kepada kalangan generasi muda dalam lingkungan umur 18 tahun sehingga 28 tahun. Hal ini kerana, mendapati bahawa generasi muda kini lebih cenderung dengan trend fesyen semasa yang datang dari semasa ke semasa terutama sekali dalam trend pakaian fesyen Barat.

### 4.4.2 Pemerhatian Warna

Di bahagian ini pengkaji membuat pemerhatian terhadap trend warna. Mengkaji warna-warna yang sedang menjadi trend pilihan sesuai dengan pemilihan tajuk laporan ini iaitu trend fesyen. Pengkajian warna adalah juga

amat penting, hal ini kerana ia merupakan salah satu bahagian proses menghasilkan suatu rekaan yang mampu memukau mata generasi muda.



Gambar Rajah 9: Antara warna trend yang telah dikaji



#### 4.4.3 Mood Board

Mood board adalah jenis persembahan visual atau 'kolaj' yang terdiri daripada gambar, teks, dan sampel objek dalam komposisi. Ini dapat didasarkan pada topik yang ditetapkan atau bahan apa pun yang dipilih secara rawak. Mood board boleh digunakan untuk menyampaikan idea atau perasaan umum mengenai sesuatu topik tertentu.



Gambar Rajah 10: Mood Board bagi kajian dan rujukan sebelum proses

penghasilan lakaran produk

MALAYSIA

KELANTAN

#### 4.4.4 Pemilihan Bahan

Untuk menghasilkan sesuatu produk yang berkualiti tinggi pemilihan bahan/fabrik mestilah berkualiti tinggi juga. Hal ini kerana untuk mendapatkan kualiti yang baik penelitian secara berterusan terhadap sebarang fabrik ke atas kesesuaiannya, kelebihan dan kekurangan. Dan sesuatu fabrik itu perlu memberikan kelebihan yang banyak berbanding kekurangan. Di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih jenis kain satin dan kain organza dalam penggunaan penghasilan produk kajian. Ini bertujuan bagi memberikan keselesaan kepada si pemakai oleh kerana kain satin yang digunakan lebih ringan dan tidak panas. Malahan ada beberapa bahan lain yang digunakan, bahan tersebut ialah butang dan dua zip berbeza iaitu zip biasa dan zip susup.



Gambar Rajah 11: Fabrik yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu kain satin

MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4.5 Proses Lakaran Produk


Proses lakaran produk adalah bahagian proses pembangunan hasil rekaan pakaian. Di dalam proses ini sebanyak 50 lakaran pembangunan rekaan produk sebelum pemilihan akhir produk. Lakaran ini akan dipilih sebanyak 10 rekaan terbaik untuk dimasukkan ke dalam soal selidik bagi dijadikan sebagai pemilihan responden. Dua produk pakaian akhir akan dihasilkan berdasarkan pemilihan rekaan tertinggi daripada responden. Di bawah ini terlihat sebahagian daripada 50 rekaan pakaian yang telah dilakar oleh pengkaji.




Gambar Rajah 12: Antara sebahagian daripada 50 rekaan

#### 4.4.6 Lukisan Teknikal

Lukisan teknikal adalah bahagian lukisan yang dihasilkan mengikut bahagian rekaan secara terperinci pada setiap rekaan yang dijalankan. Seterusnya, lukisan teknikal ini bertujuan untuk menunjukkan setiap atau sesuatu rekaan secara lebih teliti. Lukisan teknikal ini mempunyai dua pilihan teknik lakaran, iaitu boleh dibuat secara manual atau juga boleh dibuat secara digital dengan menggunakan software tertentu di komputer.




Gambar Rajah 13: Lukisan teknikal rekaan pertama




Gambar Rajah 14: Lukisan teknikal rekaan kedua

#### 4.4.7 Lakaran Pola

Penempatan corak pada kain, secara ekonomi, tanpa membuang kain dikenali sebagai susun atur corak (pattern layout). Semua corak harus disusun dengan betul mengikut ira kain. Proses lakaran pola ini adalah amat penting bagi menetapkan saiz pakaian yang tepat. Dari segi ukuran lebar dan panjang kain agar tiada kesilapan semasa proses pemotongan kain kemudian.



Gambar Rajah 15: Lakaran pola bagi rekaan pertama (pilihan rekaan 3)



Gambar Rajah 16: Lakaran pola bagi rekaan kedua (pilihan rekaan 10)

Dua rajah di atas merupakan pola rekaan produk pengkaji. Lakaran pola ini dilakukan sebagai langkah atau proses sebelum pemotongan pada fabrik dan proses menjahit kain.



#### 4.5 HASIL KAJIAN PRODUK

Secara keseluruhan, hasil penyelidikan yang dihasilkan adalah berdasarkan pemilihan para responden pada pengagihan soal selidik. Responden lebih minat kepada pakaian rekaan yang lebih kasual dengan penggunaan warna yang sedikit pastel dan lembut berbanding warna yang panas atau terang/gelap. Gambar rajah di bawah adalah hasil sampel bagi rekaan gaya produk yang telah dipilih oleh para responden.






Gambar Rajah 17: Toile bagi rekaan pertama



Gambar Rajah 18: Toile bagi rekaan kedua

KELANTAN

## 4.6 KOS PERBELANJAAN

<b>COSTING SHEET</b>				
FACULTY OF TECHNOLOGY CREATIVE AND HERITAGE UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN				
DATE	: 30/06/21	STYLE NO	: 001	
DESCRIPTION:	Women's Wear (Dress)	SEASON	: -	
SIZE	: 40 (M)	SELLING PRICE:	_____	
1. MATERIALS	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	SKETCH FRONT/BACK
Satin	3.5 meter	RM35.00	RM87.50	
Pleated Fabric	2 meter	RM20.00	RM40.00	
Interfacing Fabric	1/2 meter	RM3.50	RM3.50	
2. TRIMMING	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
Invisible Zip (20")	2	RM2.00	RM4.00	
Thread	1	RM0.80	RM0.80	
Button	4	RM1.50	RM6.00	
3. PRODUCTION COST	HOURS	RM/HOURS	AMOUNT	
Pattern Making	6 hours	RM10.00	RM60.00	
Cutting	1 hours	RM8.00	RM8.00	
Sewing	15 hours	RM15.00	RM225.00	
4. EMBROIDERY/ DETAIL	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
				<b>SWATCHES</b> 
5. TOTAL AMOUNT (1+2+3+4)			RM434.80	
6. TOTAL AMOUNT + MARK UP (MIN 30%)			RM478.28	
7. DESIGN FEES (MIN 50% OF 5)			RM43.48	
8. TOTAL (6+7)			RM565.24	







## COSTING SHEET

FACULTY OF TECHNOLOGY CREATIVE AND HERITAGE  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

DATE : 30/06/21  
DESCRIPTION: Women's Wear  
SIZE : 40 (M)

STYLE NO : 002  
SEASON : -  
SELLING PRICE:                     

1. MATERIALS	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	SKETCH FRONT/BACK
Satin	6 meter	RM40.00	RM240.00	
Pongee	2 meter	RM3.00	RM6.00	
Organza/Organdy	1 meter	RM4.60	RM4.60	
Interfacing Fabric	1 meter	RM7.00	RM7.00	
2. TRIMMING	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
Fly Zip (9")	1	RM0.40	RM0.40	
Thread	1	RM0.80	RM0.80	
Button	4	RM 0.60	RM2.40	
3. PRODUCTION COST	HOURS	RM/HOURS	AMOUNT	
Pattern Making	6 hours	RM10.00	RM60.00	
Cutting	1 hours	RM8.00	RM8.00	
Sewing	15 hours	RM15.00	RM225.00	
4. EMBROIDERY/ DETAIL	QUANTITY	PRICE	AMOUNT	
				SWATCHES
5. TOTAL AMOUNT (1+2+3+4)			RM554.20	
6. TOTAL AMOUNT + MARK UP (MIN 30%)			RM609.62	
7. DESIGN FEES (MIN 50% OF 5)			RM83.13	
8. TOTAL (6+7)			RM692.75	

#### 4.7 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa kaji selidik berjaya menghasilkan dapatan kajian yang diinginkan bagi menjawab objektif yang dikemukakan pada awal bab. Kajian ini menemui beberapa penemuan yang sekaligus dapat memberikan gambaran tentang penerimaan trend fesyen semasa di kalangan generasi muda terhadap fesyen modest dan moden.

## **BAB 5:**

### **PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

---

#### **5.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, penyelidik membuat rumusan secara ringkas tentang perbincangan dan juga dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelum ini. Penyelidik akan mengetengahkan tentang cadangan yang bersesuaian untuk mengatasi penyelesaian masalah yang berkesan dan bersesuaian di dalam penyelidikan ini dalam trend semasa antara sederhana dan moden untuk dijadikan panduan kepada pengkaji atau masyarakat lain pada masa akan datang.

#### **5.2 CADANGAN**

Trend fesyen semasa ini memberikan kesan dan pengaruh kepada generasi muda kini. Tidak salah dalam kecenderungan mengikuti perkembangan trend fesyen, kerana setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza dalam pengetahuan fesyen yang sebenar. Malahan, jiwa generasi muda kini lebih terjurus kepada keinginan mencuba sesuatu perkara baru dan tahap emosi yang suka memberontak. Justeru itu, terdapat

beberapa cadangan yang ini diketengahkan agar generasi muda tidak tenggelam dengan pengaruh Barat dan di samping mengekalkan konsep Syariah.

Cadangan yang pertama adalah dengan meningkatkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap cara pemakaian yang sopan yang masih berlandaskan syarat pemakaian bagi seorang Muslimah itu sendiri. Hal ini kerana, ia amat penting dalam mengekalkan kesopanan berpakaian, malahan ia mampu membantu mengurangi persepsi buruk orang luar terhadap pemakaian kita sendiri sebagai umat Islam.

Yang terakhir adalah dengan industri fesyen harus lebih memperkenalkan lagi pakaian yang lebih sederhana, namun masih ada ciri-ciri fesyen Barat dalam sesuatu rekaan agar dapat menarik minat generasi muda. Dengan cara ini, kemungkinan besar generasi muda akan tertarik dengan adanya pengayaan atau rekaan fesyen baru.

### **5.3 PERBINCANGAN**

Di bahagian ini, akan mengfokuskan kepada perbincangan dan hasil yang berdasarkan kepada objektif di dalam penyelidikan ini. Justeru itu, objektif yang pertama di dalam penyelidikan ini adalah untuk mengkaji jenis dan ciri trend fesyen semasa ke arah (sederhana dan moden). Di dalam fasa mengkaji ini, ia secara tidak langsung dapat menambahkan pengetahuan penyelidik tentang jenis dan ciri trend fesyen yang gemar diayakan oleh generasi muda. Ia juga telah membawa diri mengkaji

dengan lebih mendalam mengenai kedatangan trend ini. Hal ini disebabkan oleh kekerapan generasi kini memakai pakaian kurang sopan .

Seterusnya dalam mengenal pasti penerimaan generasi muda hari ini terhadap trend fesyen semasa (sederhana dan moden). Dan ia membawa pengkaji mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkara mengenai trend fesyen. Hal ini kerana terdapat percampuran gaya Barat yang sering digayakan oleh generasi muda kini dan ianya memerlukan penerangan yang lebih jelas terhadap sesuatu gaya agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan gaya Barat yang sudah menjadi tatapan dunia.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, asas penerimaan trend fesyen semasa ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan secara am berkaitan perkara maksud sesuatu pakaian dan juga pemakaian. Trend fesyen akan membawa impak yang baik kepada generasi akan datang jika generasi muda sebelumnya mengaplikasikan dan membawa gaya yang bersesuaian dengan Syariah kita sebagai umat Islam. Hal ini kerana, dengan adanya contoh pembawa gaya sederhana tetapi masih mengikuti trend mampu memberikan inspirasi yang besar kepada pengguna fesyen lain. Maka, sesuatu trend fesyen pemakaian yang lebih sopan dan sederhana secara tidak langsung memberikan impak yang tinggi dalam mengekalkan gaya sebagai seorang Muslimah dan umat Islam.

## RUJUKAN

Cathy Bakewell, Vincent-Wayne Mitchel & Morgan Rothwell, “UK Generation Male Fashion Consciousness”, *Journal of Fashion Marketing and Management*, Vol. 10(2), 2006.

Cathy Bakewell & Vincent-Wayne Mitchel, “Generation Y Female Consumer Decision-Making Styles”, *International Journal of Retail & Distribution Management*, Vol. 31(2), pp. 95-106, 2013.

Daniel James Cole & Nancy, “The History of Modern Fashion from 1850”, 2015.

Dr. D. Saravanan & Mr. Nithyaprakash. V, “Fashion Trends and its Impact on Society”, *International Conference on Textiles, Apparels and Fashion*, 2015.

Elena Esposito, “Is Modest Fashion Modest?”, *ZoneModa Journal*, 10(15), pp. 115-119, 2020

Fred N. Kerlinger, “Foundations of Behavioral Research (Third Edition)”, 1986.

George B. Sproles, “Analyzing Fashion Life Cycles- Principles and Perspectives”, *Journal of Marketing*, 44, pp. 116-124, 1981.

Georg Simmel, "Fashion", *The American Journal of Sociology*, Volume LXII(6), pp. 541-558, 2000.

Hajah Noresah bt. Baharom, Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani *et al*, "Kamus Dewan Edisi Keempat", *Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur*, 2015.

Hanisa Hassan, Biranul Anas Zaman, and Imam Santosa, "Tolerance of Islam: A Study on Fashion among Modern and Professional Malay Women in Malaysia", *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 5(5), pp. 454-460, 2015.

Jane E. Workman and Cathryn M. Studak, "Fashion Consumers and Fashion Problem Recognition Style", *International Journal of Consumer Studies*, 30(1), pp. 75-84, 2006.

John W. Creswell, "Quantitative Research", *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches, 3rd Edition*, 2008.

John W. Creswell & Vicki L. Plano Clark, Mixed Methods Research, *Designing and Conducting Mix Methods Research*, pp. 581-610, 2011.

Kaylene C. Williams & Robert A. Page, "Marketing to the Generations", *Journal of Behavioral Studies in Business*, 2011.

- “Multi-Generational Marketing: Descriptions, Characteristics, Lifestyles, and Attitudes”, *Journal of Applied Business and Economics*, Vol. 11(2), 2014.
- Lexy, 2007. *Metode Penelitian Kualitatif*, (Bandung: Remaja Rosda Karya, 2007) 49
- McMillan & Schumacher, “Chapter 9: Nonexperimental Resesrch Design”, *Research in Education: A Conceptual Introduction*, 1984.
- Mohd Majid Konting, 2000. ). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Zaimudin Mohd Zain, Patsy Perry, and Lee Quin, “The Influence of Fashion Bloggers on Pre-Purchase Decision for Online Fashion Products among Y Female Malaysian Concumers”, *International Journal of Economics and Management Engeneering*, 12(1), pp. 101-107, 2018.
- Muhamad Izzudin Zainudun, Faridah Haji Hasan, dan Abdul Kadir Othman, “Halal Brand Personality and Brand Loyalty among Millennial: Modest Fashion Consumers in Malaysia”, *Journal of Islamic Marketing*, 2019.
- Naser Valaei & S. R. Nikhashemi, “Generation Y Consumers’ Buying Behaviour in Fashion Apparel Industry: A Moderation Analysis”, *Journal of Fashion Marketing and Management*, Vol. 21( 4), 2017.



Nasreen Khan, Lai Hui Hui, Tan Booi Chen & Hong Yong Hoe, “ Impulse Buying Behaviour of Generation Y in Fashion Retail”, *International Journal of Business and Management*, Vol. 11(1), 2016.

Reina Lewis, “Fashion, Shame and Pride: Constructing the Modest Fashion Industry in Three Faiths”, ch. 136, 2015.

Shintami C. Hidayati, Kai-Lung Hua, Wen-Huang Cheng, and Shih-Wei Sun, “What are the Fashion Trends in New York?”, pp. 197-200, 2014.

Tat Huei Cham, Caryn Kar Yan Ng, Yet Mee Li & Boon Liat Cheng, “Factors Influencing Clothing Interest and Purchase Intention: A Study of Generation Y Consumers in Malaysia”, *The International Review of Retail Distribution and Consumer Research*, 2017.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Jannahoe Empire Sdn Bhd  
No 40, Jalan Persiaran Skudai 8  
Pusat Perusahaan Skudai 8  
Skudai  
Johor

Tuan,

**PENGESAHAN PENEMPATAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan mengesahkan bahawa nama seperti dibawah akan menjalani latihan industri di organisasi tuan. Butiran adalah sepertimana berikut:

Nama : Supiah Binti Supa'at  
No. Matrik : C17A0365  
No. Kad Pengenalan : 970524016458  
Program : Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Keujian  
Elektif : Tekstil Fesyen  
Tarikh : 14 Mac hingga 18 Jun 2021  
Cuti Pelajar : 7 hari sepanjang tempoh LI (tertakluk kepada kelulusan penyelia syarikat)

3. Dilampirkan **Borang Penilaian** Kepada Penyelia Industri untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Untuk makluman juga, sesi pemantauan hanya akan dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu pemantau secara langsung atau melalui panggilan telefon.

Segala kerjasama daripada pihak tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD**

Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)


s.k - Fail Pelajar (C17A0365)

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02.600-4/7/2 JILID 6 ( 16 )


RUJ. KAMI (Our Ref.) : 17 FEBRUARI 2021  
TARIKH (Date) :



Gambar Rajah 19: Antara lakaran pembangunan idea proses pertama



Gambar Rajah 20: Antara lakaran pembangunan idea proses kedua



Gambar Rajah 21: Antara lakaran pembangunan idea proses terakhir




Gambar Rajah 22: Lakaran pola untuk rekaan yang dipilih

KELANTAN



Gambar Rajah 23: Sampel/*toile* untuk dua jenis aya rekaan yang telah dijahit sebelum penghasilan baju sebenar(*actual*)



Gambar Rajah 24: Fabrik yang telah potong mengikut pola dan proses menjahit





Gambar Rajah 25: Produk yang telah siap dijahit.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN